

Jilid I
Bil. 99



Hari Selasa
1hb Disember, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16237]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 16284]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 53 [Ruangan 16284]

Maksud B. 54 [Ruangan 16298]

Maksud B. 55 [Ruangan 16337]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P. 53 [Ruangan 16284]

Maksud P. 54 [Ruangan 16298]

Maksud P. 55 [Ruangan 16337]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

Yang Berhormat DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM; P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 1hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

FELDA-SISTEM HAKMILIK
KUMPULAN

1. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan rationale di sebalik tindakan memberi saham-saham koperasi kepada peneroka-peneroka FELDA. Ini adalah di sebalik tujuan asal FELDA ditubuhkan, yakni memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini mengambil fahaman bahawa soalan ini adalah mengenai koperasi milik tanah yang ditubuhkan sebagai pemegang amanah bagi hakmilik tanah kawasan ladang di rancangan FELDA yang diletakkan di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan. Di bawah sistem ini, hakmilik tapak rumah didaftarkan di atas nama peneroka secara individu dan hakmilik tanah ladang didaftarkan atas nama koperasi, bagi tiap-tiap blok di antara 200 ekar hingga 240 ekar yang melibatkan 20 hingga 24 orang

peneroka. Nama-nama peneroka berkenaan tidak tercatat dalam surat hakmilik tetapi dicatatkan dalam surat akuan amanah di mana ditentukan bahagian peneroka dalam blok berkenaan.

Sistem Hakmilik Kumpulan dan kaedah pengeluaran hakmilik atas nama koperasi adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat pada Sistem Hakmilik Individu. Di antara kelemahan-kelemahan itu termasuklah:

- (i) Jika berlaku kerosakan tanaman akibat bencana alam dan serangan perosak tanaman di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan, kesan akibat dari bencana alam dan serangan perosak tanaman tidak begitu dirasakan oleh peneroka oleh kerana ianya akan ditanggung bersama oleh satu kumpulan 20-24 orang peneroka.
- (ii) Kawasan ladang di sesuatu rancangan itu tidak sama rupa buminya, ada yang berbukit, ada yang terletak di kawasan rendah dan ada pula di kawasan datar. Di bawah Sistem Hakmilik Individu, pembahagian lot-lot peneroka meliputi rupa bumi yang berbeza. Keadaan ini boleh menimbulkan tidak keseimbangan dari segi pengeluaran hasil dan pendapatan di antara seorang peneroka dengan yang lain.

(iii) Peneroka di bawah Sistem Hakmilik Individu lebih cenderung mengendalikan pengurusan ladang dan pengeluaran hasil secara persendirian, tidak secara kumpulan sebagaimana yang diamalkan di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan. Pengendalian secara persendirian lebih merumitkan pengurusan dan akan melibatkan kos yang lebih tinggi.

Kaedah peruntukan tanah-tanah dan pengeluaran Hakmilik Kumpulan atas nama koperasi yang ditubuhkan dan dianggotai oleh peneroka-peneroka berkenaan adalah mengikut persetujuan sepertimana yang termaktub di surat perjanjian di antara FELDA dengan peneroka.

Pengeluaran Hakmilik Kumpulan atas nama koperasi tidaklah menyimpang daripada tujuan asal iaitu memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah. Walaupun tanah ladang didaftarkan atas nama koperasi tetapi pada hakikatnya peneroka-peneroka mempunyai hak mutlak ke atas tanah tersebut. Koperasi adalah dianggotai oleh peneroka-peneroka itu sendiri yang memberi amanah kepadanya untuk menguruskan kawasan ladang dan melalui koperasi peneroka-peneroka dapat secara usahasama menjaga kepentingan mereka.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya ingin membuat soalan tambahan. Yang Berhormat tadi telah menerangkan tentang konsep saham kepada peserta-peserta FELDA menerusi koperasi milik tanah. Saya ingin bertanya, hingga setakat ini berapa peratuskah daripada jumlah rancangan FELDA yang ada di negara kita ini yang telah menerima konsep menerusi koperasi milik tanah ini?

Yang kedua, bagaimanakah pendapatan jika dibandingkan di antara peserta yang mempunyai hakmilik secara individu dengan hakmilik secara kumpulan sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seramai 7,456 peneroka telah pun ditempatkan di dalam skim-skim di bawah sistem saham. Dari segi pendapatan di antara peserta-peserta di dalam sistem saham ini, jika dibandingkan dengan peneroka-peneroka dalam Sistem Hakmilik Individu dengan Sistem Blok, kedapatan berbeza-beza. Dalam skim yang mengamalkan sistem-sistem saham, pada peringkat awalan, pendapatan mereka itu diberikan satu bentuk jaminan oleh FELDA dan pada akhirnya apabila peserta-peserta di dalam sistem saham ini diberikan kawasan-kawasan kerja yang termampu dibuat oleh tiap-tiap orang peneroka itu, kita dapati pendapatan mereka sekarang ini ada yang sudah melebihi pendapatan-pendapatan daripada rakan-rakan mereka yang ada dalam Sistem Hakmilik Individu ataupun hakmilik secara berkumpulan ini.

Keseluruhannya, saya dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu di bawah sistem saham ini dari segi jangka panjangnya kita mempunyai keyakinan iaitu para peneroka kita akan mendapat pendapatan yang lebih lumayan sekiranya mereka itu sanggup bekerja dengan bersungguh-sungguh, jika dibandingkan dengan peserta-peserta yang ada dalam Sistem Hakmilik Individu dan Hakmilik Berkelompok kerana kadar pendapatan mereka itu senantiasa dipengaruhi oleh berbagai bentuk perkembangan harga dan keadaan-keadaan di ladang.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, peneroka-peneroka FELDA mereka dimasukkan ada di antaranya yang telah berumur 30 tahun, kemudian akan dijadikan hakmilik tanah itu sesudah 25 tahun ataupun 30 tahun. Jadi, memandangkan kepada umur mereka sudah masuk 30 tahun, kalau sekiranya sesudah 30 tahun lagi baru diberi hakmilik, maka sudahlah dia berumur 60 tahun. Adakah pihak Kementerian akan menimbang semula tentang masa tempoh memberi hakmilik ini dikurangkan daripada 25 tahun ataupun 30 tahun memandangkan kepada bimbang-bimbang situasinya peneroka ini tidak merasa yang dia mempunyai hakmilik. Jadi selama ini dia merasa dia hanya bekerja sahaja. Itu satu.

Yang kedua, apabila seseorang peneroka yang penamanya meninggal dunia dan ianya belum dipindah hakmilik kepadanya, maka adakah dengan terus menerus akan menjadi berpindahmilik kepada yang mempunyai hak pusaka seperti anak, saudara dan sebagainya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang ada sekarang, setiap peneroka dikehendaki membayar kembali kepada FELDA ataupun kepada Kerajaan dalam tempoh 15 tahun. Biasanya sebahagian besar daripada mereka yang telah pun diberi hakmilik ini telah dapat membayar kembali. Namun demikian ada juga di antara mereka yang berhadapan dengan berbagai-bagai masalah, terutama sekali mengenai bayaran-bayaran tunggakan. Tetapi dari segi kelonggarannya, kita dapati ada di antara peneroka-peneroka yang telah dapat menyelesaikan bayaran kembali itu tidak sampai 15 tahun dan urusan hakmilik itu telah diuruskan.

Yang kedua, kalau sekiranya berlaku kematian kepada seseorang peneroka, peraturan yang ada sekarang ini secara otomatis membenarkan penukaran nama itu kepada isteri ataupun waris yang terdekat seperti yang ditetapkan di dalam penama yang ada di dalam surat perjanjian.

KUMPULAN TABLIGH— PENAPISAN

2. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang menapis kumpulan-kumpulan tabligh yang datang ke negara ini kerana ada di antara kumpulan-kumpulan ini yang menyebarkan ilmu sesat yang membuat perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini. Adakah juga beliau bercadang untuk mendaftarkan kumpulan-kumpulan yang boleh berdakwah supaya rakyat tidak terkeliru dengan ajaran yang mereka bawa. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan tapisan ke atas mereka itu kerana langkah itu tidak dapat dilaksanakan oleh sebab tidak ada orang yang masuk ke negara ini atas nama kumpulan tabligh. Mereka masuk secara perseorangan sebagai pelawat biasa ke negara ini. Sementara itu pengawasan terhadap penyebaran ajaran sesat ada diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri dan pihak Berkuasa Agama Islam Negeri-negeri adalah diberi kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan ini. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak ada bukti bahawa

kumpulan tabligh itu menyebarkan ajaran sesat di kalangan masyarakat kita.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh manakah pengenalan ilmu sesat atau takrif ilmu sesat yang dipakai oleh Kerajaan sekarang? Adakah maksud ilmu sesat atau ajaran sesat itu ialah ajaran-ajaran ataupun ilmu yang bercanggah dengan pegangan ahli sunnah wal jumaah ataupun bercanggah dengan Quran dan Hadis ataupun bercanggah dengan pegangan Kerajaan sendiri, sebab dalam sepanjang perhatian kita, Kerajaan bila bercanggah dengan pegangan dia, walau betulpun dihukum sesat. Tetapi kalau tidak bercanggah walaupun sesat tidak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh mengeluarkan fikiran dalam soalan. Kena tanya sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang kedua, saya ingin tahu adakah ideologi ataupun dasar perjuangan politik ini termasuk dalam bidang ilmu ataupun termasuk dalam jenis ajaran? Kalau sekiranya ia termasuk dalam jenis ajaran ataupun ilmu, bolehkah pihak Kerajaan menerangkan manakah satu dasar perjuangan politik yang disifatkan sesat atau yang disifatkan salah? Atau adakah Kerajaan berani mengakui ajaran-ajaran politik ataupun dasar politik itu benar kesemuanya mengikut sudut Islam? Itu saya minta jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak bersangkutan dengan apa yang ditanya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada butir, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertamanya, sebagaimana yang telah dijawab tadi kuasa ini....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada ilmu sesat di dalam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang telah dijawabkan tadi ialah kuasa ini kuasa Negeri. Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kumpulan tabligh ini kita dapati semua ahli-ahlinya kita lihat sentiasa berhijrah ke India dan ia ada peringkat-peringkat, sebulan, dua bulan, tiga bulan atau setahun. Selalunya orang Islam kita pergi ke Mekah. Dengan itu saya rasa kita menggalakkan pelancong ke India pula.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah ini kita tidak boleh masukkan dalam kategori ajaran salah ini, kerana umat Islam yang mampu selalunya digalakkan pergi ke Mekah dan bukan lain daripada tempat yang telah ditentukan.

Tuan Othman bin Abdul: Sememangnya benar bahawa ada ahli-ahli tabligh ini yang pergi ke India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa menuntut ilmu itu tidak terhad. Di mana-mana sahaja di dunia ini yang boleh memberikan ilmu Islam yang baik malahan di India ataupun di negara China sekalipun jika sekiranya terdapat di sana penyebaran ilmu Islam yang kuat dan boleh disampaikan ajaran Islam yang baik dan sebenar-benarnya, maka itulah yang dikatakan menuntut ilmu itu tidak kira tempat. Sememang benarlah bahawa kewajipan atau wajib bagi seseorang Islam itu untuk menunaikan fardhu Haji di Mekah. Seperti yang telah saya katakan bahawa menuntut ilmu tidak terhad di mana-mana dunia pun bagi menuntut ilmu Islam ini.

**MAS—PENARIKAN
PELANCONGAN**

3. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan memberitahu apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh MAS (Malaysian Airline System) bagi menarik pengguna-penggunanya dan menarik pelancong ke negara kita. Dan adakah MAS bercadang untuk menurunkan tambang pergi balik seperti Kuala Lumpur—London—Kuala Lumpur, Kuala Lumpur—Sydney, Los Angeles dan lain-lainnya supaya membolehkan banyak orang menggunakan penerbangan MAS sebagaimana yang dibuat oleh setengah-setengah syarikat-syarikat penerbangan lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan MAS sememangnya sentiasa memberi perhatian atas peranan yang boleh dimainkan oleh MAS di dalam usaha Kerajaan untuk mempertimbangkan industri pelancongan negara.

Berkaitan dengan ini, selain daripada mengadakan lebih banyak penerbangan oleh MAS ke destinasi-destinasi luar negeri dan juga menggalakkan kedatangan syarikat-syarikat penerbangan asing ke negara kita, pihak MAS telah juga melibatkan penyertaan syarikat secara langsung di dalam usaha menggalakkan kedatangan lebih ramai pelancong ke negara ini dan juga dari segi memperkenalkan Malaysia ke negara-negara asing.

Di antara kegiatan-kegiatan yang telah dirumuskan oleh MAS ke arah mencapai matlamat ini adalah seperti berikut:

- (i) membuat pindaan ke atas imej koporat dan bentuk logo MAS di mana "wau bulan" tidak lagi dilukis di dalam

sebuah bulatan, dan nama pengenalan MAS disingkatkan dari berbunyi Malaysian Airline System ke MALAYSIA;

- (ii) mengadakan pelbagai rancangan percutian dalam negeri untuk pelancong-pelancong asing yang melawat negara ini;
- (iii) mengadakan kempen-kempen iklan, menyertai misi-misi jualan dan promosi bersama-sama dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dan juga negeri-negeri atau badan-badan yang terlibat;
- (iv) membantu organisasi, pertubuhan-pertubuhan atau kumpulan-kumpulan di dalam rancangan mereka untuk mengadakan persidangan-persidangan di Malaysia; dan
- (v) mengadakan penerbitan-penerbitan filem di Malaysia dan juga pertandingan-pertandingan sukan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan iaitu di negara Malaysia sendiri.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai tambang bagi sektor ke London, Los Angeles dan Sydney, ingin saya maklumkan bahawa bagi perjalanan antarabangsa selain daripada tambang-tambang biasa, terdapat juga tambang-tambang murah yang telah diperkenalkan oleh MAS berasaskan kepada persetujuan yang diberikan oleh Kerajaan yang berkenaan iaitu Kerajaan di mana destinasi yang hendak kita tuju. Tambang-tambang murah ini adalah seperti "APEX Fare, Excursion Fare" dan pelbagai jenis "Group Inclusive Tour Fare" yang mana diadakan khas untuk memenuhi keperluan trafik pelancong. Dengan adanya tambang-tambang tersebut, adalah difikirkan bahawa trafik pelancong akan

berpeluang membuat perjalanan ke negara kita dengan membuat bayaran tambang yang berpatutan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun saya ingin mengucapkan tahniah kepada MAS yang telah mengadakan beberapa langkah-langkah untuk mengurangkan tambang pergi balik ke beberapa tempat, adakah Yang Berhormat sedar ada pihak penerbangan lain seperti SIA yang sedang mengenakan satu tambang yang paling kurang jika dibandingkan dengan tambang yang dikenakan oleh MAS kepada Amerika Syarikat dan saya ingin dapat tahu sebab apa pihak SIA boleh mengadakan satu tambang yang begitu kurang jika dibandingkan dengan MAS dan apakah langkah yang kita akan ambil untuk mengatasi masalah ini oleh kerana beberapa pihak daripada negara kita sedang menggunakan pihak SIA oleh kerana tambang itu begitu kurang.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan dengan usaha sesebuah syarikat penerbangan itu untuk melariskan jualannya. Itu satu cara dan cara ini tidak terhad kepada sesiapa. Kita hendak cuba pun boleh juga. Di sebalik itu pula, seperti saya sebut tadi dalam jawapan saya, sekiranya kita hendak mengurangkan tambang bagi satu-satu sektor itu ianya mestilah mendapat persetujuan Kerajaan yang berkenaan kerana mengikut perjanjian kita ada syarat-syarat yang tertentu. Jadi, oleh kerana itu terpulang pada masing-masinglah, kerana memang didapati bahawa tambang rasmi (official fare) selalunya berbeza dengan tambang pasaran (market fare).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian, bagaimanakah pula rancangan-rancangan Kementerian terhadap

usaha-usaha untuk membeli pesawat-pesawat MAS yang baru dan juga menggantikan dengan yang lama sebagai satu usaha untuk menarik pengguna-penggunanya dan juga menarik pelancong ke negara ini. Mohon diceritakan perkembangannya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, rancangan jangka panjang MAS memang ada cadangan untuk membeli beberapa pesawat-pesawat berbagai jenis, tetapi saya tidak ada maklumat-maklumat detail itu bersama saya di sini untuk memberitahu kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Kalau Yang Berhormat ada membaca akhbar-akhbar kebelakangan ini ternyata Pengurus Besar MAS sendiri ada membuat pengumuman mengenai pembelian-pembelian kapal terbang-kapal terbang dalam rancangan MAS untuk masa jangka panjang.

KEMALANGAN DI JALAN KUCHING

4. **Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) berapa banyak kemalangan dan kematian manusia menyeberangi Jalan Kuching sejak diperbesarkan iaitu di Kg. jalan Kuching; dan
- (ii) tidakkah ada rancangan supaya diadakan Lampu Isyarat bagi membolehkan penduduk-penduduk tersebut di atas senang melintasi untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah dan balik pada tiap-tiap hari termasuk juga orang-orang awam.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan terhadap pertanyaan—

- (i) Sejak Jalan Kuching diperbesarkan, jumlah

kematian yang dilaporkan setakat ini ialah seramai 5 orang manakala jumlah kecederaan pula ialah 3 orang; dan

- (ii) Setakat ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan lampu isyarat untuk penduduk-penduduk menyeberangi jalan tersebut memandangkan Jalan Kuching adalah merupakan sebahagian daripada lebuhraya utama persekutuan yang mana lalulintas sentiasa sibuk dan pembinaan lampu isyarat adalah tidak sesuai dipasangkan di situ.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di Kuala Lumpur ini telah banyak Kerajaan membina jambat atau jejantas bagi melintasi jalanraya-jalanraya yang sebuk di bandar Kuala Lumpur, tetapi masih lagi ramai pengguna-pengguna yang tidak menggunakan dan selalu berlaku kemalangan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya ingin tahu, adakah pihak Kerajaan atau Kementerian Yang Berhormat mengambil langkah-langkah untuk memberi nasihat ataupun satu cara bagi pengguna-pengguna menggunakan jambat ataupun jejantas yang dibina untuk mengelakkan kemalangan yang sentiasa berlaku di jalan-jalan yang sebuk di Kuala Lumpur ini terutama di Jalan Kuching atau lain-lain jalan yang ada di ibukota Kuala Lumpur ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan memang berusaha memberi amaran kepada orang ramai supaya menggunakan jalan-jalanraya ini dengan baik dengan menurut undang-undang lalulintas jalanraya, tetapi maklumlah manusia ini begitu banyak dan fikirannya pun tidak sama. Seperti kata pepatah: lain padang, lain

belalang; lain lubuk, lain ikannya; banyak orang banyak ragam. Jadi, tidak sama. Kadang-kadang accident di bawah jambat pun ada, dia malas naik jambat, dia melintas di bawah jambat, kenalah dia (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Soal jambat, berhubung dengan 5 orang yang telah mati dan 3 orang cedera. Soalan saya, adakah pihak Kerajaan ataupun Lebuhraya Persekutuan untuk melebarkan jalan bagi mengelakkan kemalangan ini berlaku lagi di masa-masa yang akan datang kerana lebuhraya ini bukan sekarang ini sahaja digunakan, tetapi lebuhraya ini akan digunakan sehingga hari kiamat nanti.

Yang kedua, tidakkah ada pihak Kerajaan atau Lembaga Lebuhraya sebelum membuat satu-satu rancangan membuat jalanraya dan jalan besar ini mengkaji dahulu keadaan di sekeliling, iaitu penduduk-penduduk di kiri kanan jalan bagaimana mereka itu hendak melintas, tidak hanya mereka ini hendak membuat jalan sahaja tanpa memikirkan keselamatan penduduk-penduduk atau manusia di antara sebelah jalan dengan sebelah jalan yang lain.

Tuan Luhut Wan: Tuan Speaker, memang begitulah cara-cara Kerajaan melaksanakan sesuatu projek tentu sekali diteliti lebih mendalam dahulu. Sebagaimana yang kita ketahui kebanyakan tempat seperti lebuhraya yang penting dibuat culvert, kita perbuat culvert supaya senang orang mengikut di situ, tetapi kadangkala penduduk-penduduk ini ketika orang membina jalanraya itu tidak ada tetapi sesudah ada jalanraya itu dan sudah siap jalanraya itu, ada sahaja mereka di situ. Kita pun tidak tahu dari mana datangnya. Mereka tengok tempat itu baik untuk mereka diam, mereka ada di situ. Ini yang susah.

KILANG MEMPROSES IKAN

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan dengan adanya penangkapan ikan Tuna Laut Dalam atas kerjasama nelayan Malaysia-Thailand apakah rancangan Kerajaan Malaysia dari segi mewujudkan kilang-kilang memproses dan mengetin ikan untuk keperluan dalam negeri dan eksport.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia memang mempunyai rancangan untuk mewujudkan kilang-kilang memproses dan mengetinkan ikan bagi memenuhi keperluan dalam dan luar negeri. Aktiviti penangkapan ikan laut dalam adalah merupakan salah satu usaha bagi meningkatkan jumlah penangkapan ikan sebagai gantian import dan juga untuk eksport dan usaha-usaha ini dijangka akan memberi faedah besar kepada masyarakat nelayan dan boleh memanfaatkan sepenuhnya oleh negara.

Walaupun pada peringkat permulaan, tumpuan akan diutamakan kepada aktiviti-aktiviti tangkapan untuk memenuhi keperluan pasaran yang ada, termasuk permintaan oleh kilang-kilang mengetin ikan tempatan tetapi dalam jangka panjang aktiviti-aktiviti pemerosesan dan mengetin ikan dijangka akan dapat dipergiatkan selaras dengan perkembangan aktiviti perikanan laut dalam. Di samping itu, pemerosesan dan pengetinan ikan laut dalam adalah termasuk di dalam senarai aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 di bawah kategori "Penangkapan ikan laut dalam dan pemerosesan hasil penangkapan."

Syarikat-syarikat menjalankan aktiviti ini boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Sehingga

sekarang terdapat 56 buah syarikat yang telah diluluskan lesen pengilang ikan seperti "frozen fish", manakala 23 buah syarikat lagi telah diluluskan untuk mengeluarkan "fish meal".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya akan mengemukakan Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 di Dewan ini sedikit masa lagi, dalam sesi ini dan pindaan ini akan membolehkan nelayan-nelayan melalui Persatuan Nelayan mengambil bahagian dalam aktiviti secara komersial seperti kilang-kilang memproses dan mengetin ikan.

Mereka boleh berbuat demikian sebaik sahaja Akta ini dilaksanakan nanti.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Memandangkan bahawa telah wujud kerjasama Malaysia dan Thailand dalam penangkapan ikan tuna di laut dalam, kenapakah masih terdapat pencerobohan di perairan Zon Eksklusif Ekonomi Malaysia oleh bot-bot nelayan negara jiran, khususnya dari Thailand dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal pencerobohan ini di samping mempereratkan kerjasama penangkapan ikan oleh Malaysia dan Thailand?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah lain daripada soalan asal, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama yang dijalankan bukan di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand, tetapi di antara syarikat swasta dalam Malaysia dan Thailand untuk memasarkan ikan sahaja dan bukan di bidang penangkapan ikan. Ini tidak ada terlibat apa-apa langkah yang Kerajaan telah ambil untuk mangawal pencerobohan laut Malaysia oleh kapal-kapal asing. Tetapi bila lesen ini dikeluarkan kepada syarikat swasta untuk penangkapan ikan di laut dalam

di Laut Cina Selatan (South Cina Sea), dengan izin, memanglah syarikat ini boleh sendiri mengawal kawasan yang diberi kepada mereka untuk penangkapan ikan dan mereka boleh berikan maklumat berkenaan pencerobohan dari kapal-kapal asing yang masuk ke perairan Malaysia.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, ikan yang dikelaskan dalam "family" tuna ini merupakan "pelagic fish", dengan izin, ataupun ikan yang berada di permukaan air dan sentiasa beredar mengikut pertukaran musim atau suhu laut. Soalan saya pada bulan manakah tuna ini boleh didapati dengan banyaknya di laut negara ini?

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah operasi penangkapan ikan tuna ini boleh menguntungkan sekiranya operasi penangkapan ini hanya dijalankan di sekitar lautan negara ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, tuna ini ialah sejenis ikan dipanggil "pelagic fish", dengan izin, dan sebetulnya ada satu musim di mana tuna ini ada banyak di laut negara kita. Bulan yang banyak terdapat tuna ini ialah di antara bulan September sampai bulan Mac dan dalam bulan-bulan ini tuna ini ada banyak di Sulu-Sea dekat negeri Sabah. Jenis "pelagic fish" ini bergelar pragraph dan lepas musim ini ia berenang ke kawasan-kawasan yang lain dan juga dalam Laut China Selatan dan kapal-kapal ini boleh mengikut ikan ini dan operasi ini memang menguntungkan, sebab lesen yang dikeluarkan kepada Syarikat K & I ini adalah dikeluarkan selepas Jabatan Perikanan memberi kajian yang teliti dan cadangan yang diberikan kepada Jabatan pun ada memberikan maklumat berkenaan keuntungan dan saya rasa ini boleh dijalankan dengan menguntungkan.

PERDAGANGAN INTRA-ASEAN

6. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan akan dilaksanakan supaya mengembangkan perdagangan "Intra-ASEAN", iaitu perdagangan di antara negara-negara ASEAN sendiri, termasuklah mengkaji semula "Preferential Trade Agreement" ke arah menggalakkan perdagangan "Intra-ASEAN" itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Perdagangan "Intra-ASEAN" menyumbang pada puratanya 18 hingga 20 peratus daripada jumlah perdagangan ASEAN secara global. Walau bagaimanapun, perdagangan "Intra-ASEAN" di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA) adalah masih kecil iaitu lebihkurang 5% daripada jumlah perdagangan ASEAN. Namun begitu nilai eksport Malaysia ke negara-negara anggota ASEAN di bawah Skim ASEAN PTA telah semakin meningkat.

Umpamanya, pada tempoh setengah tahun 1987, ia meningkat 97% iaitu daripada \$21.2 juta dalam tempoh enam bulan pertama 1986 kepada \$41.8 juta dalam tempoh yang sama tahun 1987. Ini menunjukkan betapa besarnya skop untuk menjadikan perdagangan "Intra-ASEAN" yang ada pada masa ini kepada "perdagangan istimewa", dengan izin, preferential trade, melalui Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN sekiranya langkah-langkah yang sesuai dapat diambil dan komitmen dapat diberikan oleh negara-negara anggota ASEAN di masa akan datang, khususnya selepas Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN diadakan.

Bagi meningkatkan dan memperluaskan lagi perdagangan "INTRA-ASEAN" untuk menarik

lebih pelaburan di rantau ASEAN beberapa langkah akan diambil untuk memperbaiki Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA). Langkah-langkah ini termasuklah mengenalpasti barangan-barangan yang telah disenaraikan dalam Senarai Pengecualian (Exclusion List) untuk ditawarkan layanan keutamaan potongan tarif, menambahkan keutamaan potongan tarif yang telah ditawarkan kepada barangan PTA sekarang dengan lebih bermakna iaitu daripada 25% kepada paras 50%, dan melaksanakan, dengan izin, "stand still and rollback" ke atas sekatan-sekatan bukan tarif yang melibatkan barangan-barangan eksport ASEAN. Di samping itu memandangkan bahawa 80% daripada perdagangan ASEAN adalah bergantung kepada pengangkutan maritim, maka langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan perhubungan perkapalan ASEAN. Adalah diharapkan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan kelak akan dapat menambah dan meningkatkan lagi perdagangan di antara negara-negara ASEAN.

SABAH—CARA PEMBANGUNAN TANAH

7. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan peranan Kementerian tersebut bagi menghapuskan kemiskinan para penduduk Luar Bandar di negeri Sabah. Adakah Kementerian tersebut bercadang untuk memajukan tanah-tanah di negeri Sabah mengikut skim lembaga seperti FELDA, FELCRA dan RISDA.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, matlamat Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ialah untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi mencapai perpaduan negara

melalui pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan sumbangan ini melalui usaha-usaha peningkatan daya pengeluaran dan pendapatan kumpulan-kumpulan sasar di kawasan-kawasan pembangunan tanah dan pembangunan wilayah serta pembangunan kawasan pekebun-pekebun kecil getah.

Selaras dengan peranan tersebut, penyertaan FELDA dalam pembangunan tanah di Sabah, secara langsung telah pun dimulakan pada akhir tahun 1979 dengan kelulusan 181,209 hektar kepada FELDA oleh Kerajaan Negeri Sabah. Sehingga ini, 57,001 hektar telah pun dimajukan dan ini melibatkan sejumlah 35 buah rancangan. Tiga daripada rancangan tersebut telah pun ditempatkan dengan sejumlah 322 orang peneroka.

Dalam tahun 1986, Kerajaan telah meningkatkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan di Negeri Sabah dengan mempergiatkan lagi aktiviti pembangunan tanah di negeri tersebut. Seluas 8,214 hektar telah berjaya dimajukan dan ini merupakan peningkatan sebanyak 21.7% berbanding dengan tahun 1985. Di samping usaha-usaha membangunkan tanah dengan menggunakan tenaga pekerja dan kemahiran tempatan, FELDA juga telah merancang untuk mempelbagaikan jenis-jenis tanaman yang diusahakan di rancangan-rancangannya. Dengan demikian, dua kawasan baru telah pun dimajukan dengan projek tanaman kopi seluas 661 hektar dan projek tanaman koko seluas 8,012 hektar.

Dalam usaha-usaha mempelbagaikan tanaman-tanaman yang dimajukan, FELDA juga mengambil tindakan untuk membangunkan para peneroka agar dapat berdikari melalui penambahan pendapatan mereka daripada sumber usaha-usaha sampingan.

Sebagai permulaan aktiviti ternakan ayam adalah digalakkan dan usaha ini akan diperluaskan supaya mereka dapat mencebur diri dalam berbagai aktiviti sampingan lain termasuk aktiviti ternakan yang lain dan tanaman cash crop serta ternakan air.

Setakat ini RISDA atau FELCRA belum mempunyai apa-apa kegiatan di negeri Sabah.

CUKAI JALANRAYA— KAJIAN SEMULA

8. **Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula kadar cukai jalanraya (Road Tax) yang sedang berkuatkuasa sekarang di negeri Sabah kerana jika dibandingkan dengan taraf jalanraya yang terdapat di Semenanjung Malaysia, taraf jalanraya yang terdapat di negeri Sabah terutama sekali di luar-luar bandar adalah amat jauh bezanya. Taraf jalanraya di negeri Sabah adalah masih amat rendah dan oleh itu berdasar kepada konsep keadilan kadar cukai jalanraya di negeri Sabah seharusnya dikurangkan kepada kadar yang lebih rendah lagi buat masa sekarang ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah saya jawab pada 19hb November, 1987 yang lalu dalam sesi ini semasa menjawab soalan Yang Berhormat kawasan Bandau dan saya tiada apa-apa perkara untuk ditambah.

KADAR SEWA/MAKANAN HOTEL—MENGURANGKAN

9. **Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan negara Malaysia sebuah negara yang indah dan menarik dengan pandangan-pandangan yang dijadikan

semulajadinya tentu tertarik oleh semua pelancong-pelancong. Tetapi oleh kerana makanan-makanan dan tempat-tempat tinggal hotel-hotel serta biliknya mahal jika dibandingkan dengan setengah-setengah negeri seperti Thailand. Maka apakah dayausaha Kerajaan untuk mengatasi perkara yang tersebut supaya menjadikan sebuah negara murah dengan keperluan umumnya.

3-12-87.

22. **Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar sewa hotel dalam negara adalah di antara yang tertinggi dalam dunia. Sewa hotel yang tinggi ini melemahkan progres Industri Pelancongan Negara. Apakah rancangan Kerajaan agar sewa hotel tidak menjadi fakta penghalang kepada perkembangan Industri Pelancongan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang akan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar pada 3-12-87.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar bagi kita membandingkan kadar sewa hotel antara negara-negara, kerana perbezaan kelas-kelas hotel dan juga taraf ekonomi sesebuah negara. Di Malaysia, di negara kita ini kadar hotel memanglah tinggi pada masa yang lalu, tetapi kadar ini telah diturunkan sedikit dengan penawaran dan permintaan bilik-bilik hotel di pasaran yang telah berubah sekarang.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa harga makanan dan minuman di hotel-hotel kelas mewah adalah tinggi dan boleh diturunkan lagi. Dalam hal ini, Kementerian sentiasa berusaha supaya kadar-kadar ini direndahkan lagi melalui rundingan dan juga perbincangan yang selain diadakan di antara Kementerian dengan pengusaha-pengusaha hotel di negara kita ini di samping menggalakkan supaya ditingkatkan lagi perkhidmatan dan juga hospitaliti yang dapat untuk memenuhi citarasa pelancong-pelancong yang menginap di hotel-hotel berkenaan.

Tuan S. S. Subramaniam: Soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan yang telah mengambil beberapa usaha untuk mengurangkan taraf hotel yang kita ada di dalam negara kita.

Sehubungan dengan ini saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan di mana pihak hotel-hotel telah pun mengemukakan satu masalah besar, iaitu taraf yang dikenakan ataupun harga lesen-lesen yang dikenakan bagi hotel-hotel oleh pihak pentadbir ataupun pihak Kerajaan Tempatan begitu tinggi.

Saya ingin dapat tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ataupun lain-lain pihak berkenaan dengan ini untuk mengurangkan harga perlesenan yang akan dikenakan ataupun sedang dikenakan kepada hotel-hotel ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dari segi tarif, tetapi juga dari segi bilangan lesen-lesen yang terpaksa diperolehi oleh sesebuah pengusaha hotel pada ketika ini sedang diteliti oleh pihak Kementerian dan insya Allah dengan kerjasama Kementerian-kementerian

yang lain kita berusaha memperbaiki lagi keadaan ini dalam usaha kita meramaikan lagi pelancongan datang ke negara kita.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi kita telah mendengar bagaimana jawapan yang diberi oleh Menteri berkenaan berhubung dengan makanan yang sebegitu mahal di hotel-hotel mewah di negara kita.

Saya ingin tahu apakah langkah dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk menarik minat pelancong-pelancong supaya hotel-hotel, restoran-restoran yang ada di Kuala Lumpur atau di negara kita ini memastikan mereka menyediakan makanan dan minuman tradisional negara supaya dapat dinikmati oleh pelancong-pelancong yang datang ke negara ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, soal menyediakan makanan-makanan tradisional, kerana yang dimaksudkan makanan-makanan tradisional ialah makanan Melayu, sebenarnya di kebanyakan hotel-hotel memang pun sudah ada makanan-makanan tradisional ini. Yang menjadi soal sekarang ialah harga. Jadi jenis makanan memang ada di kebanyakan hotel-hotel.

Tuan Yang di-Pertua: Belacan pun ada.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Selain daripada makanan-makanan Eropah, makanan Jepun dan lain-lain ada juga.

CAWANGAN UNIVERSITI PERTANIAN DI BINTULU, SARAWAK

10. **Tuan James Jimbun Pungga** minta Menteri Pendidikan menyatakan sudahkah Kementerian merancang supaya Universiti Pertanian, Bintulu

menjadi sebuah Universiti penuh untuk Sarawak memandangkan jumlah pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki ke Universiti tempatan di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak sebagai sebuah Universiti yang penuh. Ini memandangkan Kampus UPM Cawangan dan Kampus Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Sarawak di Semariang adalah sudah memadai untuk menampung keperluan-keperluan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir)

TANAMAN POKOK KEPAYANG

12. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian itu menerima laporan dari Menteri Pertanian Sarawak, rancangan untuk memperkenalkan tanaman kepayang (satu jenis kayu) yang buahnya dimakan, tetapi mengandungi 70% cynide dan beracun, jika tidak dimasak dengan cara yang betul, dibasuh dan direndam dalam air selama 12 jam, selepas itu barulah boleh dimakan. Jika tidak, ia boleh membunuh manusia dan juga binatang. Apakah nasihat Kementerian Pertanian Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengenai perkara tersebut.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian Persekutuan telah pun diberitahu akan perkara ini. Masa kini

cara memasak secara tradisional memang telah lama digunakan oleh penduduk tempatan di Sarawak. Walau bagaimanapun MARDI akan menjalankan penyelidikan untuk mengatasi masalah kandungan racun cynide yang terdapat di dalam buah kepayang seperti yang diminta oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebelum dapat ditentukan sama ada tanaman ini boleh ditanam secara komersial.

Pada masa ini kebanyakan pokok-pokok kepayang didapati tumbuh liar di hutan-hutan dan jarang-jarang sekali di tanam. Tiada kes keracunan pada manusia dilaporkan baru-baru ini dan kali terakhir kematian dilaporkan ialah pada akhir abad ke 19. Hampir kesemua bahagian tumbuhan ini mengandungi racun cynide. Biasanya beberapa bahagian pokok kepayang digunakan sebagai ubat, dan digunakan dalam penyimpanan ikan atau daging juga sebagai sejenis makanan. Sejenis minyak yang diperolehi daripada bijinya digunakan oleh orang-orang Dayak di Sarawak. Kaum ini lebih mengetahui cara-cara menyediakan buah tersebut supaya ia betul-betul bebas dari keracunan. Kadangkala mereka sengaja meninggalkan sedikit racun dalam buah tersebut untuk dihidangkan kepada tetamu yang tidak disukai supaya mabuk—mungkin mabuk kepayang.

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak buah kepayang ini dimakan di negeri Sarawak, berapa orang yang telah mati?

Yang kedua, adakah benar bahawa buah kepayang ini mengandungi high level of protein content, dengan izin.

Yang ketiga, adakah Kementerian sedar bahawa isu buah kepayang ini adalah isu politik Pembangkang di negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 3 tidak payah dijawab. Soalan No. 1 dan No. 2 sahaja.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Terima kasih. Apa yang saya sebutkan tadi ialah laporan terakhir mengenai kematian—sebelum abad ini iaitu abad ke 19 dan sebelum itu tidak ada rekod. Dengan itu kita tidak tahu berapa ramai orang telah mati pada masa itu.

Berkenaan soalan kedua, kita tidak dapat apa-apa laporan mengenai high level of protein, dengan izin, dalam buah kepayang ini tetapi buah kepayang ini digunakan sebagai ubat dan saya rasa kalau digunakan sebagai ubat mesti ada sedikit protein.

Jawapan kepada soalan ketiga, Kementerian saya tidak main politik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa buah kepayang iaitu sejenis buah yang bermusim di Negeri Sarawak yang ada mengandungi racun dan amat membahayakan. Maka kenapa pihak Jabatan Pertanian di Negeri Sarawak bertujuan untuk menggalakkan pemasaran buah yang beracun ini? Saya tidak faham rasional itu sama sekali, dan bukan memasarkan buah ini sebagai ubat tetapi sebagai makanan. Kenapa itu, saya mahu tahu.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, apa maksud Kementerian Pertanian Negeri Sarawak untuk menggalakkan tanaman buah kepayang ini, saya tidak tahu, tetapi saya percaya mungkin sebagai satu makanan tradisi kaum Dayak di Negeri Sarawak hendak menggalakkan makan buah kepayang ini.

KEMPEN MAKANLAH BUAH- BUAHAN TEMPATAN

13. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan setelah beberapa tahun Kerajaan kita menggalakkan makan buah-buahan tempatan. Setakat ini sejauh manakah kempen ini berhasil. Serta adakah lagi negara mengimport buah-buahan dari negara luar. Apakah buah-buahan itu dan berapakah peruntukannya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui FAMA telah memulakan Kempen "Makanlah Buah-buahan Tempatan" pada tahun 1971. Bermula daripada tempoh itu, berbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan memberi penekanan untuk menarik minat pengguna-pengguna menggunakan buah-buahan tempatan dan juga meningkatkan lagi permintaan ke atas komoditi ini. Kempen ini telah menunjukkan kesan sepertimana yang diharapkan melalui penunjuk-penunjuk seperti berikut:

- (i) Harga buah-buahan tempatan telah meningkat berbanding pada tahun-tahun yang sebelumnya. Seumpamanya, harga pisang mas di peringkat ladang pada tahun 1982 ialah 35 sen sekilo berbanding dengan 44 sen sekilo pada tahun 1987. Harga betik pada tahun 1982 ialah 33 sen sekilo berbanding dengan 38 sen pada tahun 1987, manakala harga tembikai ialah 15 sen sekilo pada tahun 1982 berbanding dengan 24 sen sekilo pada tahun 1987. Kenaikan harga untuk buah-buahan tempatan juga didapati di peringkat runcit. Harga runcit untuk pisang mas pada tahun 1982 ialah \$1.11 sekilo berbanding dengan \$1.23 pada tahun 1987. Harga runcit untuk betik pada tahun 1982 ialah 66 sen sekilo berbanding dengan 84 sen pada tahun 1987, manakala harga runcit untuk

tembikai pada tahun 1982 ialah 45 sen sekilo berbanding dengan 75 sen sekilo pada tahun 1987.

- (ii) Pengaduan telah dibuat oleh pengguna-pengguna dari masa kesemasa bahawa buah-buahan tempatan kurang mencukupi.
- (iii) Pengguna-pengguna telah menyedari tentang khasiat buah-buahan tempatan, dan
- (iv) Hotel-hotel antarabangsa dan restoran-restoran yang dahulunya hanya menghidangkan buah-buahan import seperti epal dan oren telah mula menghidangkan buah-buahan dan resepi buah-buahan tempatan sebagai satu hidang kebiasaan.

Untuk makluman Yang Berhormat di waktu ini, negara masih lagi mengimport buah-buahan daripada negara luar terutamanya buah-buahan "temperate" yang mana kebanyakan buah-buahan ini tidak dapat dikeluarkan di Malaysia secara komersial. Buah-buahan berkenaan ialah seperti oren epal, buah pir, anggur dan kurma. Selain daripada buah-buahan yang di atas, Malaysia juga mengimport buah-buahan seperti durian dan mempelam daripada negara jiran memandangkan jumlah bekalan dalam negeri yang tidak mencukupi. Dalam tahun 1986, jumlah nilai import buah-buahan segar adalah berjumlah 87,022 ton metrik yang bernilai lebih kurang \$164 juta.

Mengikut Dasar Pertanian Baru, Kerajaan sedang menggalakkan khususnya pihak swasta untuk mengembangkan industri buah-buahan memandangkan permintaan yang baik di pasaran tempatan dan juga di pasaran eksport. Dasar mengembangkan industri buah-buahan juga bertujuan mengurangkan import buah-buahan dan menjimatkan

penukaran wang asing. Ramai pengusaha-pengusaha termasuk agensi Kerajaan Negeri, perseorangan individu dan juga syarikat-syarikat swasta telah atau sedang memulakan penanaman buah-buahan secara besar-besaran seperti pisang mas, jambu batu, betik, durian dan mempelam. Pengeluaran buah-buahan dijangka meningkat mulai tahun 1988.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa pihak Kementerian sedang berkempen untuk mengembangkan industri buah-buahan. Soalan saya sejauh mana kempen mengembangkan industri buah-buahan ini dengan usaha pihak Kementerian melalui pegawai-pegawainya terutama pegawai-pegawai pertanian memberi nasihat kepada petani-petani dan orang-orang kampung untuk mencebur diri dalam industri buah-buahan ini, namakan pokok-pokok seperti buah-buahan yang disebutkan tadi itu kerana ada ramai orang-orang kampung yang menanam buah-buahan dia fikirkan buah ini menguntungkan dan dia pun tanam sedangkan tanahnya tidak sesuai dengan buah-buahan yang ditanam itu dan akhirnya dia rugi.

Soalan saya sejauh mana pihak usaha daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengembangkan industri buah-buahan ini dengan arahan kepada pegawai-pegawainya supaya memberi nasihat kepada petani-petani mengenai kesesuaian tanam-tanaman tersebut.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian ada menyelaraskan semua agensi dalam Kementerian untuk menggalakkan tanaman buah-buahan dan langkah yang kami ada buat ialah untuk mengenal pasti tanah yang

sesuai untuk apa-apa jenis buah-buahan yang boleh ditanam dan juga melalui pihak FAMA ada mengenal pasti pasaran yang boleh diadakan untuk jenis buah-buahan itu. Dan juga di peringkat Kerajaan Negeri pun pegawai-pegawai pertanian ada berhubung dengan pegawai di peringkat negeri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai dan juga ada berdialog dengan petani-petani untuk memberitahu apa-apa aktiviti boleh dibuat di kawasan masing-masing.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa buah-buahan yang segar diimport. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyedari bahawa buah-buahan yang segar di Malaysia ini bermusim seperti durian, mangga dan lain-lain.

Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah usaha Kementerian untuk memperbanyakkan buah-buahan segar ini seperti yang saya sebutkan tadi supaya ianya dapat setiap masa, kerana kita maklum bahawa buah durian ini bukan sahaja kita di Malaysia ini yang suka tetapi saya difahamkan orang-orang Jepun juga suka durian ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi memang betul, buah-buahan kebanyakan di negara ini adalah mengikut bermusim tetapi seluruh negara ini cuaca bukan sama dan pihak Kementerian kami ada mengeluarkan satu kalender buah-buahan tempatan yang menunjukkan di mana kawasan yang kita boleh dapat buah-buahan di seluruh negara, di seluruh town. Dan kalau Ahli Yang Berhormat hendak, saya boleh berikan satu kalender ini kepada Ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat

boleh tahulah dimana-mana tempat yang boleh dapat buah-buahan seluruh town di seluruh negara ini.

Dan juga berkenaan eksport buah-buahan, memanglah kami tahu macam buah durian orang Jepun pun sangat suka. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bila saya ada berjumpa seorang pengimport buah-buahan Jepun yang melawat Malaysia, beliau beritahu saya tahun lalu dia sudah mengimport 6,000 buah durian dan dia ada jual di pasaran Jepun US\$100 sebiji.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian kerana berjaya melancar bermacam-macam kempen dan seterusnya dalam kempen makan buah-buahan tempatan, tetapi apa yang saya lihat sekadar kempen makan buah tempatan, tetapi yang mustahaknya adalah quality dan juga quantity. Dari segi quality yang hendak dikempen ini sekadar makan itu bolehlah, tetapi apakah tindakan susulan? Kalau kita lihat dari segi quality dan quantity untuk memastikan bukan sahaja diterima oleh pasaran dalam negeri tetapi diterima oleh pasaran dunia. Apakah langkah dan usaha Kerajaan ke arah mencapai matlamat kempen quality dan juga quantity.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan mutu (quality), yang pentingnya berkenaan self-life, dengan izin, dan bila kita mengeksport buah-buahan ini kepada negara-negara yang lain mesti ambil masa dan kalau buah-buahan kita tidak ada self-life yang cukup panjang, memanglah buah-buahan ini mesti rosak. Ini ada satu masalah yang Kementerian saya ada mengkaji dengan teliti dan ada beberapa langkah yang kita sedang buat, misalnya di bidang pisang emas sekarang pihak MARDI telah

memberi teknologi untuk petani-petani dan pengeksport-engeksport yang mereka boleh simpan pisang emas ini 4 minggu dan dipanjangkan self-life dan itu sudah membolehkan kami untuk mengeksport pisang emas ke negara Jepun. Itu langkah yang kita ada buat. Dan juga berkenaan buah-buahan lain kita pun ada menambah mutu dan juga meningkatkan produktiviti di peringkat petani-petani dan juga bila kita menggalakkan syarikat swasta menanam buah-buahan secara komersial, ini memanglah boleh meningkatkan produktivitinya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 11 dan No. 14 hingga 24 adalah diberi di bawah ini)

TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI PEKEBUN KECIL

11. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah wang Tabung Pembangunan Sosio-Ekonomi pekebun-pekebun kecil yang ditubuhkan dalam tahun 1984. Bagaimanakah pekebun-pekebun di seluruh negara, terutama pekebun-pekebun kecil di luar bandar Sarawak dan Sabah menerima bantuan daripada Tabung ini. Apakah tujuan sebenar Tabung ini.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tabung Pembangunan Sosio-Ekonomi pekebun-pekebun kecil yang ditubuh dan dikendalikan oleh RISDA bertujuan untuk memberi pinjaman kepada para pekebun kecil untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi, kredit premium tanah, pinjaman pengajian tinggi dan pinjaman untuk perumahan di Mini

Estet. Selain dari memberi pinjaman, Tabung ini juga memberi bantuan terus kepada Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) untuk mereka menjalankan perniagaan kecil yang boleh membantu meningkatkan pendapatan keluarga mereka.

Sehingga 30 September 1987 jumlah sumbangan dari anak-anak Syarikat ialah sebanyak \$1.116 juta manakala pinjaman dan bantuan yang telah dikeluarkan ialah sebanyak \$341,501.

Setakat hari ini pelaksanaan Tabung ini tidak meliputi Sabah dan Sarawak oleh kerana aktiviti RISDA belum lagi dilaksanakan di sana.

TANAH TERBIAR—MEMULIHKAN

14. Tuan Haji Mohamed Haji Isa minta Menteri Pertanian menjelaskan setiap hari kita mendapati bahawa Kerajaan sedang giat memulihkan tanah-tanah yang terbiar bagi faedah rakyat, setakat hari ini telah berapa banyakkah tanah-tanah terbiar dapat dipulihkan dan apakah jenis tanaman yang diusahakan di atas tanah-tanah tersebut serta Negeri manakah yang banyak mempunyai tanah terbiar di negara ini. Apakah langkah Kerajaan selanjutnya untuk meneruskan pemulihan tanah-tanah terbiar ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (KKTKW) adalah bertanggungjawab untuk memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian bertanggungjawab untuk menyelaras projek-projek pemulihan sawah terbiar sementara KPNLB dan KKTKW bertanggungjawab untuk memulihkan tanah bukan sawah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) seluas 198,261

hektar tanah terbiar telah dapat dipulihkan di mana 30,681 hektar darinya adalah merupakan kawasan sawah. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) Kerajaan merancang untuk memulihkan seluas 124,000 hektar lagi tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Dari jumlah keluasan tersebut Kementerian Pertanian telah diberi tanggungjawab untuk memajukan seluas lebih dari 14,000 hektar sawah terbiar yang akan menelan belanja lebih dari \$14 juta. Sehingga akhir tahun 1987 seluas 4,352.8 hektar sawah terbiar dijangka dapat dipulihkan dengan tanaman padi sebagai tanaman utama yang akan dimajukan.

Tanaman-tanaman lain yang diusahakan termasuk juga jagung, kacang tanah, buah-buahan dan sayur-sayuran. Negeri yang mempunyai banyak tanah terbiar ialah Negeri Kelantan.

Kerajaan telah pun menyusun semula strategi dan pendekatan bagi memesatkan lagi pembangunan tanah sawah terbiar. Beberapa langkah sebagaimana yang diperakukan di dalam strategi dan pendekatan baru itu sedang dan akan dilaksanakan. Di antara langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan sebuah Pasukan Petugas di peringkat kebangsaan untuk merancang dan mengawasi program ini di seluruh negara. Pelbagai Jabatan dan Agensi yang terlibat adalah menganggotai Pasukan ini.
- (ii) Melantik Lembaga Pertubuhan Peladang menjadi agensi utama bagi menyelaras dan mengesan pelaksanaan projek-projek di bawah program ini.
- (iii) Menggalakkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang

Kawasan dan syarikat-syarikat swasta menyertai program ini, dan

- (iv) Mempertimbangkan kemampuan pegawai-pegawai yang menguruskan projek-projek tersebut melalui penyertaan mereka di dalam kursus-kursus pengurusan.

BUY BRITISH LAST

15. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada dasar Kerajaan "Buy British Last" sudah dimansuhkan dan jika sudah, apakah sebab-sebabnya dan apakah kesannya terhadap pelaburan dan perdagangan British di Malaysia.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Dasar "Buy British Last" telah pun dimansuhkan sejak lawatan Perdana Menteri British ke Malaysia pada tahun 1985 dan telah diulangi pengumuman pemansuhan tersebut semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke Britain pada bulan Julai tahun ini. Dasar ini dimansuhkan kerana Kerajaan Malaysia telah berpuas hati bahawa mesej dan tujuan utama dasar ini telah difahami oleh pihak Kerajaan British dengan sepenuhnya. Sama ada dasar ini telah memberi kesan terhadap pelaburan dan perdagangan British di Malaysia tidak timbul, kerana apa yang dikatakan dengan dasar "Buy British Last" adalah hanya berkaitan dengan kontrak dan tender bagi projek Kerajaan sahaja.

PELARIAN HARAM DI SABAH

16. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Negeri Sabah telah meminta pertolongan Kerajaan Persekutuan

dalam menyelesaikan masalah pelarian haram di negeri tersebut;

- (b) jika ya, berikan bentuk pertolongan yang telah diminta, dan sama ada Kerajaan Persekutuan dapat menunaikan permintaan tersebut; dan
- (c) sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang memberi kuasa penuh kepada Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu orang pelarian-pelarian haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Pengendalian perkara pendatang haram dan pelarian sama ada di Sabah ataupun lain-lain negeri adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Masalah Kerajaan Persekutuan memberi pertolongan atau Kerajaan negeri meminta pertolongan tidak berbangkit sama sekali.

(Soalan No. 17. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87).

LAWATAN PERDANA MENTERI KE BRITAIN/HUNGARY/RUSSIA

18. Dato' Haji Saidin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkara-perkara yang dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin negara-negara yang dikunjunginya, seperti Britain, Hungary dan Soviet Union baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Soalan daripada Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab ketika pertanyaan mulut pada 12hb Oktober, 1987.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

PEMBAKARAN MASJID DI PAHANG

19. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) siapakah anasir-anasir yang terlibat di dalam pembakaran beberapa buah masjid di negeri-negeri Pahang baru-baru ini. Apakah langkah dan tindakan Kerajaan bagi memastikan kejadian yang seumpama itu tidak akan berulang lagi; dan
- (ii) apakah Kerajaan bercadang mengadakan pengawal-pengawal keselamatan untuk mengawal keselamatan terhadap masjid-masjid di seluruh negara.

2.12.87

2. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa baru-baru ini terdapat beberapa buah Masjid telah dibakar oleh orang-orang yang tidak diketahui, jika benar nyatakan:

- (a) berapa buah masjid yang dibakar;
- (b) berapa jumlah kerugian yang dialami; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat kejadian ini supaya tidak berulang lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Memandangkan perkara pembakaran beberapa buah masjid di negeri Pahang baru-baru ini telah menarik perhatian beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain, saya mohon izin untuk menjawab sekali gus juga soalan dari Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad pada 2-12-1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Kerajaan setakat

ini telah menghasilkan beberapa maklumat yang berkaitan dengan pembakaran masjid-masjid di Daerah Pekan dan Temerloh dalam bulan Ogos yang lalu. Namun demikian, pihak Kerajaan atau pun Polis tidak boleh memaklumkan pada waktu ini supaya tidak menjejaskan siasatan lanjut yang sedang dijalankan oleh pihak Polis.

Sebanyak 5 buah masjid telah dibakar iaitu Masjid Kampung Temai Tengah, Pekan, Masjid Kampung Serambi, Pulau Manis, Pekan, Masjid Kampung Kuala Triang, Temerloh, Masjid Kampung Bohor, Temerloh dan Masjid Kampung Nyiak, Temerloh. Sementara itu pula anggaran kerugian adalah sebanyak \$285,000.00.

Mengenai langkah-langkah keselamatan, pihak Polis ada membuat rondaan untuk mengesan dan mencegah jenayah termasuk di kawasan-kawasan masjid. Di samping itu pihak Jawatankuasa Keselamatan Daerah telah juga menasihatkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung agar sentiasa membuat kawalan yang sewajarnya di masjid-masjid dan di kawasan mereka. Selain daripada itu Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah juga mengeluarkan arahan kepada semua Jawatankuasa Masjid supaya mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan tidak berlaku kejadian pembakaran masjid.

Oleh kerana masjid-masjid ini terletak di merata-rata tempat maka kerjasama daripada masyarakat setempat adalah diperlukan untuk sama-sama mengawasi keselamatan masjid-masjid itu.

Kesemua langkah-langkah ini adalah memadai untuk mengelakkan berlaku lagi kejadian yang tidak diinginkan ke atas masjid-masjid.

DADAH—PENYALAHGUNAAN

20. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat mana Kementerian telah berjaya mengurangkan masalah dadah dan nyatakan sama ada terdapat langkah-langkah lain telah diambil selain dari langkah-langkah yang diambil sekarang untuk mencegah ancaman masalah dadah yang kian meningkat dan masalah-masalah sosial lain dalam masyarakat kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Masalah pengedaran dan menyalahguna dadah masih merupakan suatu masalah yang serius di negara ini. Walau bagaimanapun pihak berkuasa telah berjaya menyekat masalah tersebut dari merebak secara meluas atau menjadi lebih serius.

Beberapa langkah pencegahan dan hukuman telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan untuk membentasi masalah tersebut dan ini termasuk langkah-langkah yang berikut:

1. Mengawal kemasukan dadah ke dalam negara dengan mengadakan undang-undang yang lebih ketat terhadap pengedar-pengedar dadah seperti Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.
2. Mengadakan program-program pemulihan terhadap penagih-penagih. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengurangkan permintaan dadah di dalam negara.
3. Menubuhkan pusat-pusat pemulihan untuk penagih-penagih di seluruh negara.
4. Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya dadah terutama di kalangan

belia-belia dan penuntut-penuntut sekolah dengan mengadakan ceramah, kursus, penerangan melalui media massa seperti di radio, T.V. dan akhbar.

5. Mengadakan kerjasama dengan negara-negara asing di dalam usaha mengawal penyalahgunaan dadah dan pengedarannya.
6. Mendirikan notis amaran tentang hukuman mati kepada pengedar-pengedar dadah di semua pintu masuk resmi ke negara ini.
7. Mempertingkatkan rondaan-rondaan darat dan rondaan laut di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand untuk mencegah penyeludupan dadah.
8. Menggunakan anjing-anjing pengesanan dadah di pintu-pintu masuk resmi dan di mana-mana tempat yang disyakki. dan
9. Mengadakan pengawasan yang lebih rapi ke atas tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai tempat-tempat pendaratan dadah.

Melalui tindakan-tindakan serta langkah-langkah yang disebutkan di atas, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kemasukan dadah ke negara ini. Ketulinan atau mutu dadah yang dijual juga telah menurun dan bilangan penagih-penagih dadah baru yang dapat dikesan telah juga berkurangan sejak tahun 1983.

Kerajaan berharap apabila undang-undang baru yang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk merampas harta yang diperolehi oleh pengedar daripada kegiatan pengedaran dadah, diluluskan dan dilaksanakan nanti, masalah dadah ini akan dapat dikurangkan lagi.

BALAI BOMBA DI KEPONG BARU

21. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kebarangkalian perkhidmatan balai bomba disediakan di kawasan Kepong Baru dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bilakah agaknya balai bomba dapat dibina di Kepong Baru. Apakah kriteria-kriteria untuk mengadakan balai bomba daerah yang tersendiri di sesuatu kawasan. Bagi setiap kriteria yang diuraikan apakah kekurangan yang terdapat di Kepong Baru sehingga menghalang rancangan mengadakan perkhidmatan tersebut dalam masa dua tiga tahun yang akan datang ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menyatakan iaitu dengan keadaan seperti sekarang ini, sebuah balai bomba dalam kawasan Kepong Baru tidaklah dianggap perlu kerana sebuah balai bomba yang lengkap telah pun sedia ada di Jinjang yang mana jaraknya dari Kepong Baru lebih kurang 5 km. sahaja. Pembinaan Balai Bomba Jinjang dalam tahun 1977 telah dirangkaikan bagi keperluan perlindungan keseluruhan kawasan Kepong termasuk Pekan Kepong sendiri, Kepong Baru, Jinjang Utara, Jinjang Selatan, Kampung Batu dan beberapa tempat lain.

Kriteria-kriteria untuk mengadakan balai bomba bagi sesuatu tempat adalah terpuang kepada beberapa faktor. Di antaranya ialah sama ada sesuatu kawasan itu telah dimajukan atau mempunyai bahaya kebakaran tinggi. Apa yang dimaksudkan sebagai bahaya kebakaran tinggi ialah di mana terdapat bangunan-bangunan yang rapat dan padat dengan barang-barang yang boleh menyebabkan kemerebakan api yang serius, seperti

sebuah pusat perdagangan, pusat perusahaan, kawasan perkilangan dan perumahan.

Sungguhpun Kepong Baru merupakan kawasan kilang dan perumahan kecil, tetapi kerana ianya berada dalam kawasan bandaraya yang padu iaitu Bandaraya Kuala Lumpur, maka ianya tidak wajar diberikan perhatian secara bersendirian atau berasingan. Dalam konteks perlindungan kebakaran, ianya dipertimbangkan bersama-sama dengan kawasan-kawasan lain secara menyeluruh.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pembinaan balai-balai bomba adalah berdasarkan kepada keperluan menghantar pasukan bomba supaya sampai di mana-mana bahagian dalam tempoh masa 8 minit dan ini bermakna setiap sudut kawasan Kuala Lumpur haruslah berada dalam lingkungan 6 km. dari sesebuah balai bomba. Berhubung dengan kedudukan Kepong Baru ianya adalah sejauh 5 km. dari Balai Bomba Jinjang dan itulah sebabnya saya katakan tadi bahawa Kepong Baru tidak perlu mempunyai balai bombanya sendiri.

Dengan kedudukannya sebagai sebuah tempat dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kepong Baru boleh segera mendapat bantuan bomba bukan sahaja dari Balai Bomba Jinjang tetapi juga dari Balai Bomba Jalan Tun Ismail dan Balai Bomba Jalan Hang Tuah yang lebih besar lagi.

KANAK-KANAK TIDAK MEMPUNYAI NAMA

22. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan kanak-kanak yang tidak mempunyai nama mereka dalam sijil beranak mereka dan bagaimana

Kementerian beliau bercadang untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak yang lahir mempunyai nama yang tercatat dalam sijil beranak supaya tidak timbul masalah kemudiannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia tidak mengumpul maklumat yang berasingan mengenai jumlah bilangan kanak-kanak yang tidak mempunyai nama. Walau bagaimanapun, bilangan permohonan yang dibuat kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk memasukkan nama kanak-kanak, adalah kecil.

Untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak yang dilahirkan diberi nama dalam sijil beranak, Jabatan Pendaftaran Negara pada masa sekarang telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) mengeluarkan Borang Pemaklum untuk diisi oleh setiap Pemaklum semasa melapurkan sesuatu kelahiran;
- (b) menyebarkan risalah mengenai semua urusan yang berkaitan dengan kelahiran dan kematian kepada orang-orang awam untuk makluman; dan
- (c) membekalkan Buku Garis Panduan mengenai cara-cara pendaftaran kelahiran dan kematian kepada semua Pendaftaran Kelahiran dan Kematian.

BERITA MANDARIN DI RTM

23. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa:

- (a) masa untuk Berita Mandarin di Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia telah dipendekkan dan dimasukkan pada jangkamasa 6.40 petang di mana penonton-penonton masih belum balik

dan bilakah masa berita akan dipanjangkan dan pindah balik.

- (b) RTM2 enggan menunjukkan drama China beralah cara pakaian lama (costumed dramas); dan
- (c) pegawai-pegawai Yang Berhormat melaporkan dan mencetak dalam suara Pendita Kementerian Yang Berhormat, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Persidangan Agong UMNO dalam April tahun ini dan bukannya ini bercanggah dengan prinsip tidak boleh menyalahgunakan jentera Kerajaan dan wang orang awam untuk tujuan politik.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Mengenai masa Berita Mandarin dipendekkan, tindakan RTM tersebut merupakan sementara sahaja sementara menunggu Studio 3 di Angkasapuri siap diperbaiki. Setelah Studio tersebut siap diperbaiki, masa berita Mandarin akan dipanjangkan seperti dahulu.

Mengenai soal berita China disiarkan pada 6.40 petang RTM telah membuat kajian dan telah mendapati ianya adalah masa yang paling sesuai. Maklumbalas yang diterima daripada penonton-penonton keturunan China juga menyatakan masa tersebut adalah sesuai.

- (b) Mengenai Drama China beralah pakaian lama, semua rancangan siaran oleh RTM tertakluk adalah kepada kod dan garis-garis panduan RTM mengenai pakaian. Sebagai satu Rangkaian Nasional RTM adalah tidak wajar bagi RTM untuk memajukan unsur-unsur

kebudayaan yang bertentangan dengan kebudayaan kebangsaan walaupun rakyat bebas untuk memilih cara pakaian yang mereka suka.

- (c) Merujuk kepada anggapan Yang Berhormat bahawa Kementerian Penerangan mengeluarkan satu terbitan yang diberi nama Suara Pendita Kementerian, suka saya menyatakan bahawa tidak ada penerbitan seumpama itu dikeluarkan oleh Kementerian ini. Penggunaan teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mana penerbitan Kerajaan adalah satu perkara yang wajar seperti juga yang dibuat oleh surat-surat khabar tempatan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Ketua Eksekutif dalam Pentadbiran Negara. Ucapan-ucapannya tentulah penting untuk didengar, dibaca dan dibincangkan oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu pihak-pihak yang menyiarkan ucapannya tidaklah bererti digunakan untuk tujuan politik melainkan menjalankan tanggungjawab yang wajar untuk kepentingan negara dan rakyat.

FERI MALAYSIA—TAMBANG

24. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan ingin mengurangkan tambang Feri Malaysia untuk penumpang-penumpang berkumpulan supaya dapat menarik lebih ramai penumpang perdagangan; dan
- (b) sama ada Kerajaan ingin memanjangkan masa untuk berlabuh di tiap-tiap pelabuhan

ke-24 jam atau lebih sebagai ganti masa yang dibenarkan pada masa sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tuan Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Sebagai usaha untuk menarik lebih ramai penumpang, pihak Feri Malaysia ada menawarkan potongan harga istimewa di antara 10% hingga 40% dari kadar tambang biasa kepada penumpang-penumpang berkumpulan. Selain daripada itu, Feri Malaysia juga menawarkan "package holiday" termasuk "package" yang diaturkan dengan kerjasama Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).
- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk memanjangkan masa untuk berlabuh kapal Feri Malaysia di tiap-tiap pelabuhan ke-24 jam atau lebih oleh kerana ianya akan menjejaskan perkhidmatan Feri Malaysia dalam hal-hal berikut:
- (i) jadual pelayaran sekarang ini iaitu Kuantan-Kuching-Kota Kinabalu-Kuantan-Singapura-Kuantan tidak dapat dikekalkan dan perlu diubah;
 - (ii) penumpang-penumpang akan mengambil masa yang lebih lama untuk tiba ke destinasi-destinasi mereka;
 - (iii) kargo-kargo yang diangkut akan lewat dihantar;
 - (iv) kontrak dengan Kementerian Pertahanan untuk mengangkut anggota-anggota angkatan tentera akan terjejas dan jika ini berlaku, pihak Feri

Malaysia perlu membayar ganti rugi.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
BANK NEGARA MALAYSIA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1988**

**DAN
USUL**

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kelimabelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 53 (Jadual)—

Maksud P. 53 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat bolehkah menggulung, menjawab balik?

3.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Kebajikan Masyarakat di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatannya demi kepentingan kelompok sasarannya. Kementerian Kebajikan Masyarakat juga peka terhadap segala masalah sosial yang berlaku di kalangan masyarakat kita sekarang ini dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menghadapi cabaran ini. Dengan perhatian dan minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini terhadap masalah kebajikan masyarakat adalah satu petanda yang baik. Dengan pandangan dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara langsung dapatlah Kementerian Kebajikan Masyarakat menggunakannya sebagai panduan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada masyarakat di negara ini.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tasek Gelugor mengenai kebaikan rumah orang tua mengikut sistem pondok, di sini saya menyatakan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar tentang pentingnya orang tua diberi peluang beribadat dengan sempurna. Oleh itu, selain dari memberi kemudahan beribadat di rumah-rumah kebajikan anjuran Kerajaan yang ada sekarang, Kementerian ini menggalakkan

pertubuhan sukarela dan masyarakat setempat supaya mengadakan rumah kediaman orang tua secara kecil-kecilan atau menubuhkan pondok kecil bagi orang tua yang ingin diam bersendirian. Setakat ini Kementerian ini menyokong usaha Majlis Kebajikan Pusat yang menyediakan pondok-pondok bagi orang tua. Setiap tahun Kerajaan mengeluarkan bantuan bagi menampung keperluan mereka itu. Langkah memasukkan orang tua ke rumah kebajikan adalah langkah terakhir dengan kerelaan orang tua itu sendiri. Mereka yang masih sihat, segar dan boleh menguruskan dirinya digalakkan diam terus di tempat sendiri dan meneruskan aktiviti beribadat dan sebagainya jika mereka berhasrat berbuat demikian.

Kementerian ini mengadakan skim bantuan khusus bagi mereka itu sehingga mereka sendiri memohon masuk ke rumah orang tua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa dalam rancangan pembangunan Kementerian ini telahpun ada disediakan perancangan mengenai rumah kebajikan sistem pondok bagi menjaga orang-orang tua yang memerlukan perlindungan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan beri perhatian kepada cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi membangkitkan beberapa masalah yang dihadapi oleh orang cacat dan perlunya kemudahan-kemudahan khas disediakan untuk mereka. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap kebajikan orang cacat dan Kementerian-kementerian berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Kebajikan, Pendidikan dan Buruh telah dan terus berusaha untuk memperluas dan mempertingkatkan perkhidmatan masing-masing supaya lebih ramai lagi

orang cacat dapat diberi kemudahan-kemudahan rawatan, pemulihan, pelajaran khas, latihan vokasional dan peluang-peluang pekerjaan.

Di samping itu, Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama badan-badan kebajikan sukarela sedang mengatur penubuhan pusat-pusat harian di negeri-negeri dan daerah-daerah supaya kanak-kanak cacat yang tidak dapat dimasukkan ke institusi kerana sebab-sebab tertentu dapat diberi jagaan, bimbingan dan pendidikan sesuai dengan kebolehan mereka.

Kementerian Kebajikan Masyarakat memang sedar perlunya diadakan kemudahan khas untuk orang cacat di tempat-tempat awam dan juga kemudahan-kemudahan tertentu disediakan di kenderaan-kenderaan awam. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk merancang dan mendapatkan kerjasama dari Kementerian, jabatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan khas untuk orang-orang cacat seperti ramp, tandas khas, lif yang mempunyai huruf braille untuk menentukan aras-aras bangunan, lampu isyarat berbunyi, tempat duduk khas di dalam bas, penyediaan railing di tempat-tempat tertentu, mencuramkan pinggir-pinggir jalan, kaki-lima dan di mana perlu menutup longkang-longkang yang merbahaya pergerakan orang cacat penglihatan. Setakat ini, beberapa buah bangunan di sekitar Wilayah Persekutuan dan jalan-jalan raya dan beberapa buah syarikat kenderaan bas telah menyediakan kemudahan-kemudahan ini.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu untuk meminda

building by-laws, dengan izin, supaya mewajibkan kemudahan khas seperti yang dinyatakan sebentar tadi diadakan untuk orang cacat di bangunan-bangunan awam yang dirancangkan dan yang akan didirikan. Dengan cara itu, kemudahan-kemudahan khas itu dapatlah diperluaskan di negeri-negeri.

Berkenaan pendaftaran orang cacat, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengadakan kempen pendaftaran secara besar-besaran di seluruh negara semenjak bulan Oktober, 1985 dan usaha ini sedang dipergiatkan lagi supaya lebih ramai ibu bapa tampil ke hadapan mendaftarkan anak-anak cacat mereka. Jika usaha dan cara ini tidak berkesan, kemungkinan satu undang-undang berkenaan pendaftaran orang cacat akan ditimbang. Saya ingin membuat seruan di Dewan yang mulia ini meminta ibu-bapa yang mempunyai anak cacat tampil ke hadapan mendaftarkan anak-anak mereka di pejabat-pejabat kebajikan masyarakat yang berhampiran supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil demi untuk kebajikan anak-anak tersebut.

Atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengenai orang tua yang kompong kamping.....

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Compang-camping.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, compang-camping berkeliaran di merata-rata supaya dimasukkan ke rumah orang tua. Di sini, suka saya menyatakan bahawa Kementerian ini sedar tentang masalah yang dihadapi berkaitan dengan orang-orang papa dan pengemis dan sedang berusaha dengan agensi lain yang berkaitan

seperti pihak Polis, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri untuk bertindak bersama bagi mengelakkan orang papa dan pengemis dari mencemarkan imej negara.

Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara sentiasa membuat rondaan bersama Polis mencari dan mengambil orang-orang papa yang merayau atau mengemis setelah dipastikan keadaan tindakan akan diambil seperti berikut:

- (i) mereka yang mempunyai keluarga akan dikembalikan setelah mendapat jaminan dari keluarga;
- (ii) mereka yang tua dan tidak ada sanak saudara akan dimasukkan ke rumah orang tua;
- (iii) mereka yang uzur dan tidak siaman akan dirujuk ke hospital untuk mendapatkan rawatan; dan
- (iv) mereka yang sihat yang biasa mengemis akan dihantar ke Pusat Pemindahan di Mersing, pengemis asing akan diserahkan kepada Jabatan Imigresyen untuk dihantar pulang ke negeri asalnya. Mereka yang berumur di bawah 18 tahun akan diberi jagaan dan perlindungan sehingga terdapat sanak saudara yang sanggup memelihara mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang berusaha meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat supaya menjaga dan memelihara ibu-bapa dan orang tua mereka. Dengan wujudnya perasaan tanggungjawab adalah diharapkan masalah orang tua dan orang papa dapat dikurangkan. Di samping itu juga Kementerian sedang berusaha

mencari saudara mara bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah kebajikan supaya mereka boleh dikembalikan semula ke pangkuan keluarganya. Kementerian ini tidak akan dapat mengatasi masalah orang papa yang merayau dan mengemis dengan sendirinya tanpa sokongan dan kerjasama dari masyarakat. Keluarga orang papa yang melarat hendaklah bertanggungjawab atas hal mereka. Masyarakat harus bersikap tegas dan tidak memberi sedekah atau melindungi pengemis asing. Orang ramai perlu menyokong usaha Kerajaan untuk mengurangkan masalah pengemis di negara ini dengan bersedekah atau menderma kepada badan-badan amal atau pertubuhan sukarela yang sentiasa memerlukan bantuan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani membangkitkan mengenai bantuan bencana alam yang tidak seimbang dengan kerugian yang dialami serta penerimaan derma yang berbeza-beza.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi bantuan bagi meringankan penderitaan-penderitaan mangsa bencana atau banjir. Bantuan yang dikeluarkan adalah sekadar menampung keperluan asas keluarga semasa kecemasan. Bantuan seterusnya diberikan apabila mereka meninggalkan pusat pemindahan bagi membiayai perbelanjaan keluarga sehingga mereka mula mencari nafkah semula dan bantuan itu bukan sebagai ganti rugi atas barang-barang kepunyaan yang musnah.

Kementerian ini sedar tentang wujudnya ketidak-seimbangan dalam hasil kutipan derma bagi kebakaran dari satu kawasan ke satu kawasan lain. Dan tindakan sedang diambil untuk mengadakan prosedur pungutan derma yang seragam di seluruh negara supaya derma yang terkumpul dapat

digunakan sebanyak-banyaknya mengikut kawasan yang memerlukan.

Sekarang ini bantuan bagi banjir yang berlaku secara meluas di selaraskan di peringkat pusat oleh Majlis Keselamatan Negara. Di peringkat negeri dan daerah melalui pusat kawalan banjir dan jawatankuasa yang ditubuhkan khusus di semua peringkat dengan melibatkan semua agensi dalam sektor awam. Setiap Kementerian dan agensi mempunyai tugas yang ditentukan dan akan bekerjasama untuk memberi kemudahan dan semua gerakan mengedarkan bekalan bantuan. Jentera itu sering diperbaiki dari setahun ke setahun.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Maran, Kementerian Kebajikan menitikberatkan pendidikan akademik dan agama bagi kanak-kanak. Beberapa kemudahan disediakan untuk membolehkan mereka meneruskan pelajaran di sekolah biasa yang berhampiran. Disamping itu kanak-kanak itu diberi bimbingan di kelas-kelas khas termasuklah bimbingan agama supaya mereka dapat menghadapi ujian dan persaingan dengan kanak-kanak luar yang tinggal dengan keluarga. Kementerian ini juga menumpukan perhatian kepada kanak-kanak dari keluarga miskin yang tidak dapat menyara anak-anaknya dan menghantar mereka ke sekolah.

Satu skim bantuan yang dikenali sebagai Skim Bantuan Kanak-kanak disediakan untuk membolehkan kanak-kanak tinggal dengan keluarga dan meneruskan pelajaran di sekolah yang sama.

Di sini sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa usaha yang ditumpukan kepada mereka itu tidaklah sia-sia sahaja. Di antara mereka yang menerima

bantuan dan bimbingan itu terdapat mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri. Beberapa orang dari mereka itu telah tamat pengajian dan sekarang memegang jawatan penting dalam perkhidmatan awam dan sektor swasta.

Atas teguran Yang Berhormat dari Marang, di sini saya suka menyatakan bahawa bantuan yang diberikan adalah sebagai usaha meringankan beban semasa keluarga mengalami masalah. Dalam tempoh itu ahli keluarga yang sihat dan berkeupayaan digalakkan supaya berikhtiar mencari pekerjaan atau membuat sesuatu untuk menambahkan pendapatan keluarga melalui latihan kemahiran atau penglibatan dalam perniagaan kecil. Kementerian ini membiayai peruntukan bagi membantu mereka yang berminat dan ingin menceburkan diri dalam lapangan itu. Tiap-tiap individu yang memerlukan bantuan boleh memohon sendiri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran sekali atau melalui Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung, Wakil Rakyat dan sebagainya. Permohonan itu akan diteliti dan dipertimbangkan mengikut peruntukan yang ada.

Yang Berhormat dari Marang ada juga membangkitkan berkenaan cadangan Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan satu rancangan khas untuk orang cacat dan cara-cara pemulihan orang cacat yang sesuai sebagai peserta. Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang mengkaji untuk mengadakan satu rancangan tanah khas untuk orang cacat. Ini adalah sebagai satu usaha untuk membolehkan lebih ramai lagi orang cacat mengambil bahagian dalam rancangan tanah.

Dari tinjauan Kementerian Kebajikan Masyarakat, misalnya, di Rancangan Tanah FELDA di Pahang

terdapat beberapa orang cacat penglihatan dan cacat anggota ringan yang telah diambil sebagai peneroka telah membuktikan kebolehan mereka di rancangan tersebut.

Kementerian memang sedar di atas kebolehan tiap-tiap golongan orang cacat dan sehubungan dengan ini sedang merancang bagi menyediakan kemudahan-kemudahan dan aktiviti yang sesuai dengan keupayaan dan kemampuan sesuatu golongan orang cacat yang akan diambil sebagai peserta dalam rancangan ini.

Yang Berhormat dari Sungai Petani telah membangkitkan masalah gadis luar bandar datang bekerja di bandar-bandar tiada tempat tinggal yang sesuai. Pada masa ini pihak Kementerian saya menggalakkan pertubuhan sukarela seperti Majlis Kebajikan ada menyediakan asrama-asrama bagi gadis-gadis dari luar bandar yang bekerja di bandar.

Pada masa ini terdapat satu asrama di Kedah yang boleh memberi tempat tinggal kepada 50 orang penghuni. Satu di Perak bagi kemudahan seramai 18 penghuni dan satu di Selangor bagi 7 orang penghuni. Kementerian Kebajikan Masyarakat menyokong usaha Majlis Pusat Kebajikan dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain untuk mengadakan lebih banyak lagi asrama-asrama tersebut sekiranya didapati ada sambutan.

Kementerian ini sedar tentang masalah yang dihadapi oleh gadis yang bekerja di kilang. Sebagai percubaan telah berjaya mendapatkan kerjasama pengusaha sebuah kilang memberi latihan kaunseling yang membolehkan mereka mengendalikan kaunseling di kalangan rakan sebaya serta bantua-membantu sama sendiri dan merujuk rakan-rakan yang mempunyai masalah yang berat

supaya diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berhampiran.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tampin telah membangkitkan masalah pengurusan rumah kanak-kanak yatim di Ulu Gadong, Negeri Sembilan yang kurang mendapat sumbangan dan bantuan dari orang ramai pada masa ini. Beliau seterusnya meminta pihak Kementerian memberi perhatian lebih berat terhadap pentadbirannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah mengeluarkan geran tahunan kepada rumah-rumah kebajikan sukarela berpandukan jumlah kanak-kanak atau penghuni-penghuni yang ada. Bantuan ini adalah diberi berasaskan kepada keperluan makan minum anak-anak yang berkenaan. Jumlah kanak-kanak atau penghuni di sesuatu institusi sukarela adalah diluluskan oleh pihak Kementerian dari masa ke semasa dan perkiraan jumlah bantuan yang diberi adalah berpandu kepada jumlah kanak-kanak atau penghuni tersebut. Oleh itu, mana-mana institusi kebajikan sukarela yang hendak menambahkan jumlah penghuninya hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Kementerian untuk membolehkan Kementerian mengadakan geran tambahan. Selain daripada geran yang diberikan oleh Kerajaan adalah diharapkan agar masyarakat setempat juga dapat memberi sumbangan terhadap penghuni-penghuni di rumah kebajikan sukarela. Pihak-pihak persatuan kebajikan sukarela juga menggalakkan untuk mengutip bagi menampung perbelanjaan persatuan masing-masing. Dari segi pentadbiran pula, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa semua pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menerima bantuan dari Kementerian adalah diwakili oleh pegawai-pegawai

Kebajikan Masyarakat di dalam jawatankuasa pentadbiran masing-masing.

Tuan Pengerusi, di sini juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, dari Sungai Petani dan Tampin telah memberikan perhatian terhadap masalah keruntuhan akhlak di kalangan wanita dan gadis masa kini.

Saya sukacita memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa dalam usaha mencegah wanita dan gadis-gadis daripada terdedah ke bahaya moral khususnya dilatih atau digunakan bagi maksud pelacuran, Kementerian Kebajikan Masyarakat bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan sentiasa mengambil tindakan memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis yang diselamatkan daripada suatu keadaan yang boleh mendedahkan mereka kepada keruntuhan akhlak seperti di hotel-hotel, di kedai-kedai gunting, tempat urut dan sebagainya. Dengan berkuatkuasanya Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 telah membolehkan tindakan-tindakan diambil membendung masalah tersebut dan seterusnya menyediakan program pemulihan terhadap wanita dan gadis yang telah kehilangan pedoman dan memerlukan bimbingan.

Dalam usaha membantu wanita dan gadis yang memerlukan jagaan, perlindungan dan latihan, Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah menguruskan lima buah pusat perlindungan wanita atau dikenali sebagai Taman Sri Puteri yang boleh menampung seramai 630 orang. Kemudahan pemulihan yang diadakan termasuk program pemulihan sosial, pembentukan nilai-nilai diri yang mulia, program latihan kemahiran di samping program pendidikan agama diadakan bagi menentukan setiap wanita dan gadis yang tamat menjalani tempoh tahunan tiga tahun akan dapat menyesuaikan diri mereka ke dalam

masyarakat sebagai seorang rakyat yang berguna dan mempunyai ketahanan diri menghadapi cabaran-cabaran di dalam persekitaran yang kian mencabar.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tampin mengenai program pemulihan di salah sebuah Taman Sri Puteri di kawasannya, Kementerian Kebajikan Masyarakat memang sedar perlunya kemudahan-kemudahan latihan yang diadakan dipertingkatkan lagi bagi menentukan setiap penghuni yang dikeluarkan dari institusi ini benar-benar dapat menjauhi diri dari mengulangi tabiat yang lama. Dalam usaha mempertingkatkan program pemulihan yang sedia ada sekarang, Kementerian ini sentiasa mengkaji setiap latihan yang dijalankan bukan sahaja akan dapat menarik minat wanita dan gadis berkenaan, tetapi hasil dari latihan diikuti akan dapat menjamin penghidupan yang sihat apabila dibebaskan kelak. Segala ini memerlukan sokongan dan penerimaan masyarakat supaya mereka yang telah menjalani pemulihan tidak diketepikan. Sebaliknya, mereka ini harus dibantu dalam memulakan cara hidup yang baik. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya menasihatkan ibubapa dan penjaga-penjaga yang mempunyai anak-anak yang sedang remaja supaya sentiasa memberikan kasih-sayang, perhatian dan bimbingan kepada kanak-kanak, khususnya wanita dan gadis agar mereka ini tidak terbiar atau kehilangan moral diri yang berkemungkinan akan terjebak ke dalam masalah keruntuhan akhlak. Jika kedapatan kanak-kanak bekerja di bandar-bandar, ibubapa harus mengambil tahu kedudukan dan pergerakan anak-anaknya itu. Dengan ini masalah remaja itu dapat dikawal supaya tidak berlarutan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, buat menutup, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat dan sini sukalah saya memberi jaminan bahawa semua perkara yang telah dibangkitkan itu akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai minat untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan perbekalan Kementerian Kebajikan Masyarakat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$49,364,500 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$49,364,500 untuk Maksud B. 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,700,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 53 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,700,000 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.54 (Jadual)—

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.54 dan P.54 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.12 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya mohon merujuk kepada mukasurat 239, Maksud Bekalan B.54, Butiran 020000 Jalan dan jambatan, dan juga mukasurat 240 hingga 241 Maksud Pembangunan P.54, Butiran 00600 hingga 05800 — Jalan Raya dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, ketika menyebutkan nama Jabatan Kerjaraya, biasanya orang ramai fikirkan jalan dan jambatan walaupun tugas Jabatan ini meliputi aspek-aspek yang lain seperti bekalan air dan bangunan. Tidak dinafikan bahawa Jabatan Kerjaraya telah revolusionerkan sistem jalan di Semenanjung Malaysia. Sebelum merdeka tercapai pada tahun 1957, sistem jalan sangat terhad dan tidak diseimbangkan. Pantai Barat dihubungi oleh satu jalan raya yang sempit dan selok-belok. Pantai Timur diketepikan. Oleh kerana jalan buruk dan jambatan-jambatan berkurangan, satu kereta motor memerlukan masa sehari dua untuk berjalan dari Kota Bharu ke Johor Bahru melalui jalan pantai.

Dalam 30 tahun kemerdekaan ini, Jabatan Kerjaraya telah terus menerus membina jalanraya dan lebuh raya yang baru dan moden. Beribu-ribu kilometer jalan dibuka di kawasan-kawasan luar bandar untuk menghubungi jelapang-jelapang padi, skim-skim FELDA, FELCRA dan

agensi-agensi tanah lain dan juga estet-estet perindustrian kecil dengan jalan-jalanraya persekutuan. Pantai Timur dihubungi dengan Pantai Barat melalui Lebuhraya Timur-Barat, Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur dan Jalan Raya Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis-Bentong. Pantai Barat diperkuatkan dengan Lebuhraya-lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Alor Setar-Gurun; Changkat Jering-Ipoh Slim River-Tanjung Malim; Kuala Lumpur-Pelaburan Kelang; Kuala Lumpur-Senawang-Air Keroh dan Senai-Johor Bahru dan juga Jambatan Pulau Pinang yang dapat menyatukan pulau dengan tanah besar. Pantai Timur juga diperkuatkan dengan Lebuhraya Jerangau-Jabor; Lebuhraya Kuantan-Segamat dan jalan raya pantai yang bertaraf tinggi terutama sekali di negeri Terengganu.

Di bawah pimpinan yang aktif dan dinamik, Jabatan Kerjaraya dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang melaksanakan projek-projek jalan yang lain dengan tujuan mencapai satu sistem jalan yang mencukupi dan seimbang. Saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya.

Tuan Pengerusi, di samping memberi penghargaan, ingin saya menegur sedikit. Walaupun sistem jalan raya di Semenanjung Malaysia sudah moden dan sedang terus dimodenkan, malangnya Jabatan Kerjaraya masih menggunakan "weight restriction" atau sekatan keberatan yang disediakan pada zaman penjajah Inggeris. Betul, pada tahun 1978 semasa saya bertugas di Kementerian Pengangkutan, Jabatan Kerjaraya bersetuju meminda peraturannya sedikit iaitu dari 8 tan ke 9 tan satu axle sebagai langkah sementara, tetapi yang sementara itu pun sudah tahan hampir 10 tahun.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa kos minyak, tayar dan kenderaan dan juga cukai jalan, cukai minyak dan tol jalan telah meningkat, pengusaha-pengusaha lori tentu rugi sekiranya tidak dapat mengangkut lebih barang-barang dan mengurangkan unit kosnya. Sebenarnya, pengusaha-pengusaha lori termasuk pengusaha-pengusaha lori bumiputera yang tidak boleh tahan menanggung kerugian sudah gulung tikar mereka. Di dalam satu ekonomi yang sedang membangun seperti Malaysia, kos pengangkutan amatlah penting. Kalau terlalu tinggi, ia akan menjejaskan kemajuan tanaman dan ternakan secara besar-besaran dan perkembangan industri moden di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, dengan segala hormatnya saya syorkan kepada Menteri Kerjaraya seperti berikut:

Sebagai langkah yang boleh dilaksanakan dengan serta-merta membenarkan 28 tan gross combination weight bagi kenderaan dengan tiga axle yang tidak melebihi had maksimum 9 tan satu axle tanpa syarat. Setakat ini perlu memohon keizinan dan dikenakan beberapa syarat.

Sebagai langkah jangka medium dan jangka panjang, menaiki had axle dari 9 tan ke 12 tan sejajar dengan mutu jalan raya yang berada sekarang.

Tuan Pengerusi, Jabatan Kerjaraya sudah membelanjakan beribu juta ringgit untuk membina jalan yang bertaraf antarabangsa. Untuk memberi faedah kepada industri pengangkutan lori dan untuk meminimakan kos pengangkutan, Jabatan Kerjaraya patut mengikut "weight restriction" atau sekatan keberatan yang juga bertaraf antarabangsa.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata ini, saya menyokong sekuat-kuatnya peruntukan yang dipohonkan oleh Jabatan Kerjaraya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Larut.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, saya suka memberi sedikit ucapan iaitu di mukasurat 240, Maksud 54—Kementerian Kerjaraya, Tajuk—Jalanraya dan Jambatan, Butiran 00600—Jalanraya-jalanraya Baru; Butiran 00700—Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan.

Tuan Pengerusi, ucapan saya ringkas merangkumi keesediaan jalan baru dan rumah Tol mencadangkan penggunaan kupon; Tol tidak dikenakan ketika jalan-jalan sedang diperbaiki; bila jambatan dan jalanraya-jalanraya dibina yang merintang kampung-kampung tradisi.

Tuan Pengerusi, sejak akhir-akhir ini, Lebuhraya Senawang/Air Keroh telah dibuka, bersambung terus dengan lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur. Keesediaan dijalanraya adalah nyata dan perjalanan dari Melaka ke Kuala Lumpur hanya mengambil masa satu jam sahaja oleh kerana jalanraya-jalanraya itu baik dan mempunyai international standard, dengan izin. Sistem dikenakan di Rumah Tol dengan mengambil resit dan bayar kemudian atas kadar perjalanan yang telah dibuat oleh seseorang pengguna adalah kurang baik dan kurang menyenangkan. Saya rasa keciwa kerana sistem ini tidak memuaskan. Dengan adanya keesediaan tadi, kita dapati semua motokar-motokar akhirnya berkumpul di rumah tol Sungai Besi dan berbaris hampir 3 atau 4 batu kerana menunggu untuk membuat pembayaran, istimewa

sekali pada hari minggu atau hari-hari cuti am. Kita terpaksa membuang masa hampir 45 minit atau satu jam yang mana tidak memberi makna dengan bayaran \$5.80 sen dari Air Keroh. Kereta-kereta yang sudah panas enjin terpaksa diberhentikan di perhentian atau di tepian lebuhraya. Nasib baik pulalah saya menaiki Proton Saga yang tiada masalah temperaturnya. Hal yang demikian menyusahkan banyak pengguna-pengguna jalanraya, istimewa kalau ada urusan-urusan penting seperti Menteri Kerjaraya sendiri, ataupun membawa anak-anak bercuti ataupun kereta-kereta yang sudah buruk.

Tuan Pengerusi, kebanyakan kereta-kereta tadi telah panas enjin termasuklah kereta-kereta, Jaguar, BMW dan Mercedes yang besar-besar tidak dapat meneruskan perjalanan kerana enjinnya panas disebabkan oleh kerana terlampau lama dalam queue tadi, dengan izin, menunggu untuk membuat pembayaran. Saya mencadangkan supaya sistem yang ada bolehlah dipinda dan diubahsuai iaitu dengan menjual kupon-kupon seperti dibuat di Jepun atau di negara-negara lain. Kupon-kupon ini boleh dibeli di pejabat LLM ataupun di Pejabat Pos atau mana-mana sahaja agen kepada LLM. Bagi mereka yang tidak mempunyai kupon, bolehlah menggunakan sistem "enjoy first, pay later" yang ada sekarang. Justru itu, lorong untuk mereka mestilah juga ada sekurang-kurangnya dua lorong ditetapkan di tiap-tiap rumah tol. Bagi mereka yang mempunyai kupon-kupon pula, yang dibeli mengikut perjalanan yang dikehendaki, tidaklah payah beratur panjang, bahkan menunjukkan kupon itu kepada pegawai-pegawai LLM di rumah tol dan tiap-tiap kupon tadi hanya layak untuk satu perjalanan sahaja dengan cara yang LLM sendiri boleh menentukan sama ada warnanya atau lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, saya harap langkah ini diberi perhatian dengan cepat dan perkara ini akan menyenangkan pengguna-pengguna jalanraya yang mana telah menggunakan jalanraya itu untuk kepentingan ataupun keperluan-keperluan dalam masa yang ditetapkan dan dapat meneruskan perjalanan dengan bayaran tol dan tidak bersesak-sesak beratur di rumah-rumah tol, kalau kita menggunakan kupon. Kalau kita menunggu sejam ataupun 45 minit untuk membayar tol, ini adalah mengecewakan.

Lagi satu, saya diberitahu apabila lebuhraya diperbaiki tol juga dikenakan. Saya mencadangkan apabila lebuhraya-lebuhraya diperbaiki tol-tol tadi dihentikan buat sementara sampailah jalan itu elok semula, kerana pembayaran tol adalah untuk menggunakan jalan yang selesa. Ini sering terjadi di Karak Highway di mana jalan-jalan sentiasa diperbaiki dan tol-tol pun sentiasa dikenakan. Ini tidak adil. Jalan tidak elok pun bayar tol, lainlah kalau jalan tidak elok, road tax mesti juga dibayar.

Akhir sekali, bila lebuhraya baru dan jambatan dibina, yang mana lebuhraya-lebuhraya atau jambatan-jambatan tadi merintang kampung-kampung tradisi, eloklah rangka pemikiran Kementerian Kerjaraya mengambil berat. Umpamanya, menyediakan jalan-jalan kecil di bawah jambatan ataupun di bawah lebuhraya-lebuhraya yang baru bagi kedua-dua kampung yang dipecahkan dan dipisah-pisahkan oleh sebab pembinaan lebuhraya tadi supaya orang-orang kampung masih selesa menziarahi sanak saudara, pergi ke surau dan lain-lain. Tidak hanya menggunakan pagar seperti yang ada di Senawang/Air Keroh. Kedapatan pagar-pagar yang mahal dipotong kerana rumah seseorang itu terletak di kampung sebelah sana dan di sebelah sini yang mana telah dihalang oleh jalanraya untuk pergi ke rumah

emaknya, toknya dan pak mertuanya. Perkara ini nampak kecil. Kalau semua pagar tadi dipotong, Kerajaan juga yang rugi, rakyat juga yang menanggung beban.

Pada saya, kalaulah kita telah berjaya membina lebuhraya menelan belanja bermilion-milion ringgit, apalah salahnya membina jalan-jalan kecil ataupun terowong-terowong di bawah jambatan ataupun di bawah lebuhraya tadi supaya perhubungan kampung yang telah dipisahkan oleh jalan itu tidak menyusahkan kampung-kampung tradisi sepertimana dilakukan di England dan di Germany. Yang pentingnya biarlah kita ambil kira kehidupan semua orang di Malaysia ini barulah kita akan berkata, "Kerajaan Barisan Nasional Kerajaan yang bertimbang rasa dan tidak menentukan mana-mana puak sahaja".

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong Perbelanjaan yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

4.29 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 010000 kod 10000—Emolumen dan Butiran 020000, kod 20000—Perkhidmatan dan Bekalan di muka surat 239.

Tuan Pengerusi, saya ingin mewakili rakyat jelata kita terutama penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang, menyampaikan perasaan ketidakpuasan dan kesal terhadap janji-janji kosong Yang Berhormat Menteri Kerjaraya atas isu penurunan kadar tol Jambatan Pulau Pinang.

Sebenarnya, saya patut mencadangkan supaya gaji Yang Berhormat Menteri ini dipotong.

Walau bagaimanapun, saya tidak ingin berbuat demikian kali ini dan memberi beliau satu peluang lagi untuk menunaikan janji beliau.

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah beberapa kali mengumumkan bahawa kadar tol Jambatan Pulau Pinang akan diturunkan dan pada bulan Mac atau April tahun ini beliau pernah mengumumkan bahawa penurunan kadar bayaran tol itu akan dilaksanakan mulai 1hb Mei tahun ini. Kemudian beliau juga berjanji di Dewan yang mulia ini pada 9hb Julai tahun ini bahawa dia akan memberi tempoh dua minggu untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan selepas itu dia akan terus menjalankan penurunan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang.

Kini 20 minggu dari 9hb Julai sudah lepas dan kadar bayaran tol Jambatan Pulau Pinang masih belum diturunkan. Prestasi Yang Berhormat Menteri Kerjaraya adalah sangat dikecewakan. Manakah kewibawaan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi, penurunan kadar bayaran tol Jambatan Pulau Pinang tidak dilaksanakan atas alasan resesi ekonomi adalah tidak dapat diterima oleh orang ramai. Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, penurunan itu adalah diputuskan oleh Jemaah Menteri. Takkan semasa mereka membuat keputusan ini mereka tidak sedar atau rasa keadaan resesi ekonomi. Sekiranya alasan ini adalah benar, bukankah ianya menunjukkan kekurangan kebijaksanaan atau kematangan Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi, demi kepentingan rakyat jelata, saya sekali lagi meminta Yang Berhormat Menteri Kerjaraya memberi tahu kita apabila ia menjawab, bilakah kadar bayaran tol Jambatan Pulau Pinang akan

diturunkan dan jika tidak akan diturunkan, sama ada Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa keputusan penurunan ini telah dibatal.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mewakili penunggang-penunggang motosikal yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang membuat bantahan kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Di sini oleh kerana rakan-rakan mereka yang menggunakan lebuh raya yang lain dikecualikan bayaran tol, mereka masih dikenakan kadar bayaran tol begitu mahal. Penunggang-penunggang motosikal ini kebanyakannya adalah penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang. Kenapa mereka dianiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Menteri Kerjaraya sedemikian. Saya bercadang mereka ini juga dikecualikan daripada bayaran tol Jambatan Pulau Pinang dan besarlah harapan saya bahawa cadangan ini dapat diterima oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada butiran 02800 Memberbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan dalam muka surat 241.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan keadaan jalan-jalan di kawasan saya iaitu di Bukit Mertajam. Mungkin Yang Berhormat Menteri tak tahu lagi bahawa keadaan jalan-jalan di Bukit Mertajam merupakan paling buruk dalam negara kita. Kerosakan jalan-jalan di situ kadang-kadang terpaksa memakan masa berbulan-bulan untuk memperbaikinya. Sepanjang pengetahuan saya, kekurangan kakitangan di Jabatan Kerjaraya di Seberang Perai Tengah merupakan salah satu puncunya. Saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil berat terhadap perkara ini dan

memberbaikinya dengan secepat mungkin supaya penduduk-penduduk di Bukit Mertajam menikmati layanan yang sama seperti penduduk-penduduk di lain tempat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

4.36 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud Pembangunan 54, mukasurat 241, Butiran 04000 Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak, Tajuk Jalan Besar Utama.

Mengikut cadangan yang diperuntukkan untuk tahun 1988 adalah bertambah dari \$56 juta pada tahun 1987 kepada \$96.6 juta pada tahun 1988. Sungguhpun peruntukan ini adalah bertambah sebanyak \$41.6 juta, tetapi jalan besar utama di Negeri Sarawak yang sudah diturap hanya $\frac{1}{3}$ sahaja.

Kalau mengikut peruntukan yang diberi pada tahun 1986, 1987 dan 1988 ini nanti tentu masa yang diambil untuk menurap Jalanraya Besar Utama di Sarawak akan sampai ke tahun 2,000. Oleh kerana masa yang panjang untuk menurap Jalan Besar Utama ini, saya bercadang peruntukan yang akan diagih daripada tahun 1989 akan ditambah banyak lagi daripada tahun yang telah lalu.

Kedua, Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan tahun 1987, saya percaya semuanya tidak dapat dibelanjakan sebelum 31-12-87 kerana satu sektor jalan besar utama yang saya bangkitkan di dalam masa memberi ucapan mengenai Belanjawan tahun 1987 iaitu dari Simpang Batu Lintang sampai ke Simpang Lubuk Antu belum lagi mulai.

Semasa memberi jawapan kepada saya, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya memberitahu di Dewan ini, kata beliau: tender-tender yang ditawarkan sedang disiapkan. Tetapi pada masa ini iaitu 12 bulan telah berlalu, tidak ada nampak sektor-sektor jalan yang saya sebutkan tadi diusahakan oleh mana-mana kontraktor. Saya ingin tahu, apa sebabnya Kementerian Kerjaraya mengambil masa lebih daripada 12 bulan bagi menawarkan tender-tender untuk menurapkan sektor jalan besar utama yang saya sebutkan tadi. Sekiranya sebab-sebab peruntukan yang tidak dibelanjakan kerana boleh jadi Kerajaan perlu membuat, dengan izin, savings pada tahun 1987, saya harap perkara yang begitu tidak lagi berulang pada tahun 1988 dan seterusnya.

Sekiranya savings, dengan izin, selalu dibuat kepada peruntukan menurap jalan besar utama di Sarawak tentu mengambil masa lebih daripada tahun 2,000 baru persiapan menurapkan jalan besar utama di Sarawak boleh disiapkan. Ini tentu menimbulkan implikasi hingga orang-orang luar bandar di Sarawak tidak dapat merasai membawa kenderaan seperti rakan-rakan kita di Semenanjung ini. Apabila melintasi jalan besar utama pun, di Sarawak kita masih menggunakan jalan batu, belum lagi dapat menggunakan jalanraya yang telah diturap.

Dengan ini, saya harap Kementerian yang berkenaan akan memikirkan dengan seriusnya dalam masa tahun-tahun yang akan datang. Dengan ini, pada tahun ini saya menyokong tambahan peruntukan tahun 1988 yang diagihkan untuk Jalan Besar Utama di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.40 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 241, Maksud Pembangunan P. 54, Butiran 06500, iaitu Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Kedah, di mana pinjaman diberi sebanyak \$42.4 juta.

Kalau tidak salah saya, wang \$42.2 juta ini adalah termasuk sebahagian daripada jaminan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah dari sumber luar, iaitu sumber British untuk pembinaan Empangan Aning yang dijangka dapat memberi bekalan air ke seluruh Wilayah Utara Negeri Kedah sehingga tahun 2000. Saya ingin tahu apakah prestasi pembinaan empangan ini.

Saya mendapat tahu bahawa proses pengagihan wang kepada Kerajaan Negeri Kedah pada masa ini di atas projek ini adalah sangat lembab sekali sehinggakan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor pembinaan di buat dalam jangka masa yang sangat lambat. Ini menyebabkan penanggungan kos ke atas modal yang dipinjam dari bank adalah tinggi. Dengan secara tidak langsung hakikat ini menjejaskan pembangunan sektor pembinaan, khususnya kepada kontraktor-kontraktor kecil tempatan yang membuat kerja-kerja sub-kontrak. Saya harap pihak Kementerian dapat mendesak Kementerian Kewangan dalam mempercepatkan proses pembayaran wang ini.

Di dalam butiran yang sama juga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai pengagihan air minum di kawasan-kawasan luar bandar yang mana projek bekalan air Aning dan juga projek-projek di bawah Antah-Biwater yang termasuk juga dalam Butiran 11500—di bawah Maksud P. 54, iaitu Bekalan Air Luar Bandar—Rancangan Khas di mukasurat 242.

Tuan Pengerusi, saya menyeru sekali lagi supaya pihak Kementerian jangan melupakan kawasan-kawasan pendalaman yang sangat-sangat memerlukan air bersih dan mencukupkan ini. Sekurang-kurangnya kawasan pendalaman di daerah tadahan air perlu diutamakan kerana keadaan kemiskinan penduduk-penduduk di sini adalah disebabkan oleh tahap kesihatan yang sangat rendah, lantaran meminum air yang kotor.

Di kawasan saya iaitu kawasan Padang Terap, satu kawasan yang dilabelkan oleh pihak SERU sebagai kawasan yang paling miskin, banyak terdapat kes-kes ini. Memandangkan kawasan Empangan Aning adalah terletak di tengah-tengah Daerah ini, saya harap masyarakat miskin di sini tidak lagi tertinggal dan dipinggirkan di dalam usaha-usaha pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, di dalam Butiran yang sama yang saya sebut tadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, apakah prestasi projek pembekalan air di bawah syarikat Antah Biwater yang menelan belanja beribu juta ringgit. Adakah benar dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor tempatan yang mengatakan bahawa harga-harga yang diberi kepada mereka untuk kerja-kerja sub-kontrak adalah harga-harga yang terlalu rendah atau dipanggil harga membunuh atau dalam bahasa Inggeris, "suicide price." Bukan sahaja harganya rendah tetapi segala syarat-syarat yang dikenakan oleh Antah Biwater adalah terlalu ketat seperti di dalam keadaan, dengan izin, "Heads I win, tails you loose." Berdasarkan rungutan-rungutan ini, Tuan Pengerusi, adakah pihak Kementerian boleh mengkaji dan mengawasi proses pemberian kerja-kerja sub-kontrak ini supaya tidak berlaku pengeksploitan terhadap kontraktor-kontraktor tempatan.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sedikit butir-butir persetujuan di antara Kerajaan dengan Syarikat Antah Biwater ini di Dewan yang mulia ini kerana ada khabar-khabar angin mengatakan bahawa perjanjian ini hanya menguntungkan syarikat itu sahaja, dan andainya berlaku apa-apa salah faham di antara Antah Biwater dengan Kementerian, ataupun dengan JKR, Syarikat ini bebas menggulung tikar dan masih boleh mendapat untung daripada wang-wang faedah dari deposit pinjaman yang diberi oleh Kerajaan sedikit masa yang lalu kepada mereka. Adakah benar bahawa wujudnya banyak perselisihan faham di antara JKR dengan jurutera-jurutera Antah Biwater mengenai design projek ini dan lagi, Tuan Pengerusi, adakah benar, jurutera-jurutera JKR berada di dalam keadaan "helpless", dengan izin, lantaran perjanjian yang menguntungkan syarikat Antah Biwater ini? Kalau mereka berkeras menentukan standard-standard yang mereka mahu, Kerajaan akan rugi apabila Antah Biwater gulung tikar.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada muka surat 239, Butiran 020000—Program Jalan dan Jambatan, Kod 2000, Perkhidmatan dan Bekalan yang diberi peruntukan sebanyak \$147.7 juta.

Saya tahu bahawa Kementerian Kerjaraya tidak bertanggungjawab ke atas jalan-jalan negeri, kerana ini adalah di bawah JKR negeri yang dikawal oleh negeri masing-masing. Tetapi masalah yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkenaan pembaikan jalan-jalan negeri yang rosak yang boleh Kementerian Kerjaraya memainkan peranannya. Banyak jalan-jalan yang rosak tanpa diperbaiki adalah jalan-jalan di kawasan pedalaman, iaitu di mana penduduk-penduduk miskin bertumpu. Tiap-tiap tahun peruntukan yang diberi oleh JKR

negeri adalah rendah sekali kepada jalan-jalan di kawasan ini, kerana jalan-jalan ini adalah jauh dari pusat bandar dan jauh dari pandangan mata ramai.

Saya menyeru agar Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dapat mempengaruhi Pengarah-pengarah JKR negeri supaya memberi lebih perhatian kepada jalan-jalan negeri di kawasan-kawasan pedalaman ini. Semoga dapatlah penduduk-penduduk di kawasan ini berfungsi di bidang ekonomi dan juga di bidang sosial, sama sahaja dengan rakyat-rakyat negara ini di kawasan lain yang berdekatan dengan bandar dan juga di kawasan bandar.

Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Kementerian kepada Jalan Kuala Nerang ke Padang Sanai iaitu di kawasan saya di Padang Terap yang mana dirosakkan oleh lori-lori dari Gula Padang Terap, satu syarikat yang dipunyai 80% oleh Kerajaan. Jalan ini adalah dalam keadaan yang buruk sekali, penuh dengan lubang-lubang ataupun, patholes, dengan izin, yang bukan sahaja merosakkan kenderaan, malah juga menjadi punca kemalangan yang boleh meragut nyawa. Saya harap pihak Kementerian mengambil perhatian yang khusus di dalam hal ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong peruntukan untuk Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.50 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin turut membahas di peringkat Jawatankuasa dan saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 239 Pengurusan Am, Butiran 01000.

Di bawah Butiran ini, saya ingin mengambil kesempatan terutamanya saya hendak menegur sikap atau cara salah seorang Timbalan Menteri Kerjaraya sendiri yang memberi penjelasan ataupun jawapan kepada soalan-soalan tambahan kepada kami "Backbenchers" ini yang agak mendukacitakan.

Misalnya Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menjawab beberapa hari yang lepas kepada soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Simunjan di mana dengan perasaan yang agak emotional, dengan izin, sedangkan jawapan itu merupakan jawapan rasmi seorang Timbalan Menteri yang tidak sepatutnya dijawab, dan pada hari ini kali kedua diulangi satu kesilapan ataupun "blunder" yang sepatutnya tidak berlaku di mana beliau cuba menerangkan soalan yang diminta oleh Yang Berhormat dari Kuala Krai mengenai kemalangan yang berlaku dengan mengatakan, bahawa manusia ini mempunyai bermacam-macam perangai. Memanglah kalau manusia ini tidak mempunyai satu perangai tidak dipanggil manusia, kita panggil "robot".

Tuan Pengerusi, sedikit teguran dengan harapan Menteri ataupun Timbalan Menteri tidak memandang rendah kepada kami di bahagian "Backbenchers" ini.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menarik perhatian kepada mukasurat 240, Jalanraya dan Jambatan.

Pertamanya, saya suka mengucapkan terima kasih kepada perhatian Kerajaan khususnya Kementerian Kerjaraya mengenai kelulusan Jambatan Pasir Mas, Kelantan iaitu Butiran 02400 di mana setelah sekian lama Jambatan ini beberapa kali diisytihar lulus oleh pemimpin-pemimpin kita, alhamdulillah akhirnya ia telah masuk kepada proses tender.

Diharapkan pelaksanaan Jambatan ini dapat dilaksanakan segera memandangkan bahawa kesibukan lalulintas hasil daripada pembangunan yang sedang berlaku sama ada pembaikpulihan jalan dari Tanah Merah ke Pasir Mas dan Kota Bharu, banyak kereta-kereta ataupun kenderaan yang melalui jalan ini dan kerana kesibukan itu menyebabkan berlaku kelewatan perhubungan di antara Pasir Mas dan Kota Bharu yang melalui, setakat ini hanya satu jambatan dan satu jambatan pilihan lain ialah jambatan keretapi.

Keduanya, saya melihat dari segi peruntukan yang tercatat di dalam buku hanya \$10 juta sedangkan saya difahamkan bahawa jambatan ini akan menelan belanja yang lebih dan pernah dibuat perangkaan ataupun kajian oleh pihak yang bercadang untuk mengambil projek ini secara swasta, satu ketika dahulu belanjanya lebih kurang \$25 juta. Apa yang membimbangkan kalau-kalau peruntukan \$10 juta ini tidak mencukupi, akan terbantut pembinaan Jambatan Pasir Mas ini.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian supaya diberi perhatian untuk mempastikan Jambatan ini dapat dilaksanakan segera dan cepat siap demi mengatasi masalah lalulintas ke bandar Kota Bharu.

Ketiganya, dalam kaitan ini saya suka menegur mengenai jambatan yang sedang dibina di bawah Projek Lebuhraya Timur-Barat daripada Jeli ke Pasir Puteh di mana ada satu jambatan yang di bawah tender Sato Kogyo dengan joint-venture Hassan Mat di mana jambatan ini sudahpun siap walaupun tidak 100%. Tetapi dari segi penggunaan ada sedikit pilih kasih dan saya tidak pasti apakah ini mengikut lunas-lunas peraturan, pentadbiran dan sebagainya di mana ada kenderaan yang boleh lalu dan ada yang tidak boleh lalu melalui jambatan

Sato Kogyo itu. Saya difahamkan ada kenderaan yang diminta bayar \$40 sekali lalu dan sebagainya.

Satu ketika dahulu saya pernah melalui jambatan ini dengan rasa bangga, tetapi ditahan oleh beberapa orang pekerja yang bekerja bagi pihak syarikat itu. Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri, apakah perkara ini berlaku dan kalau boleh saya cadangkan biarlah jambatan ini boleh diguna seberapa cepat yang mungkin.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian kepada Butiran 01400 Jalan Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis dan Raub.

Saya rasa peruntukan yang diberi sejumlah \$5.3 juta itu adalah meliputi keseluruhan sekali termasuk penjagaan Lebuhraya Gua Musang-Kuala Krai. Apa yang saya suka menarik perhatian, Tuan Pengerusi, ialah dari segi kesibukan penggunaan jalan daripada Kuala Lumpur khususnya daripada Lebuhraya Karak melalui Raub-Kuala Lipis-Gua Musang ke Kuala Krai dan seterusnya ke Kota Bharu. Jalan ini begitu rosak sekali barangkali disebabkan oleh penggunaan jalan yang begitu banyak oleh kenderaan-kenderaan di mana pengguna-penggunanya perlu memendekkan masa, kerana setakat ini masa yang diambil dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ialah lebih kurang 6 jam. Maka banyaklah kenderaan-kenderaan yang menggunakan sama ada kenderaan berat, pengangkutan atau kenderaan awam yang melalui jalan-jalan tadi dan banyak berlaku kemalangan-kemalangan hasil daripada keadaan jalan khususnya dari Gua Musang ke Kuala Lipis dan lebih-lebih lagi dari Kuala Lipis ke Raub di mana keadaan jalannya banyak yang rosak, berlubang-lubang, jalan sempit, berluk, terlindung dan di segi tanda-tanda jalannya yang tidak dikemaskinikan. Walaupun saya

pernah menanya di dalam Dewan ini mengenai cadangan Kerajaan untuk jalan itu juga diperbesarkan, tetapi saya difahamkan masih ketidakcukupan wang. Barangkali buat sementara keutamaan patut di beri di segi memperluaskan ataupun memotong sebahagian tertentu liku-liku yang bahaya dan juga memperbaiki lubang-lubang dan memasang tanda-tanda isyarat yang baik. Ini boleh menolong sebagai langkah sementara. Oleh itu saya minta perhatian daripada Kementerian Kerjaraya untuk menjamin walaupun tidak 100% keselamatan pengguna-pengguna jalan-jalan tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian kepada mukasurat 241—Bekalan Air.

Di bawah Bekalan Air ini, saya suka menarik perhatian kepada pentadbiran di segi pungutan bil-bil air bulanan dari pengguna-pengguna. Satu kes pernah berlaku di Kelantan di mana pengguna pernah diberi bil yang telah mengumpulkan bayaran kebela-kangannya bertahun-tahun lamanya, setelah salah seorang pegawai yang baru masuk dan menyelidiki dari segi bil bayaran bulanan ini, yang mana tidak dikemaskinikan sehingga berlaku tunggakan yang begitu banyak. Pihak pengguna memang mengakui bahawa mereka telah menggunakan, tetapi masalahnya perkara ini tidak dihantar bil ataupun tidak dibuat tuntutan sehingga terkumpul kerana kesilapan pentadbiran sehingga ada pihak yang terpaksa membayar \$200, \$300, \$400, \$500 bahkan beribu-ribu bil air yang terpaksa dibayar sekali gus. Perkara ini telah berlaku di Kelantan dan ini menimbulkan kerumitan. Apa yang saya perhatikan ialah kadang-kadang pihak yang membuat bacaan meter ataupun, dengan izin, "meter readers" kadang-kadang menyeleweng di mana mereka tidak memastikan supaya bil ini dibaca dengan baik dan mereka membuat kerja yang kurang

memuaskan sehingga berlaku perkara ini dan kebetulan pegawai-pegawai di atas pula tidak meneliti perkara ini. Diharap Kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri akan menyiasat untuk menjamin perkara ini tidak berlaku lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh bekalan air luar bandar.

Saya hendak menarik perhatian mengenai bekalan air luar bandar ini yang diperuntukkan sejumlah \$300 juta. Peruntukan ini saya rasa amat dialu-alukan kerana ianya akan memberi kebaikan dan manfaat khususnya kepada masyarakat luar bandar yang rata-rata masih menggunakan air yang tidak bersih, yang tentunya akan memberi kesan kepada kesihatan anak-anak mereka yang ini mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah dan tentunya kalau kesihatan badan tidak baik akan menjejaskan pelajaran mereka. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya keutamaan diberi untuk memastikan bekalan air di luar bandar. Ini merupakan keutamaan yang paling penting setelah kita mempunyai jalanraya, bekalan ini adalah penting untuk menjamin kesihatan masyarakat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya rasa masanya amat begitu terhad dan saya lagi sekali turut menyokong Belanjawan yang dibentangkan di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, izinkan

saya menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah Butiran 010000 mengenai aktiviti Pengurusan Am dalam Kementerian Kerjaraya terkandung dalam muka surat 239 dan di samping itu saya juga ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 240, Butiran 01700, Skim Memperbaiki Lalulintas Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Saya ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk membangkitkan satu perkara demi kepentingan orang ramai dan khususnya demi kepentingan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur iaitu mengenai masalah kutipan tol berkaitan dengan cadangan bagi menswastakan pembinaan persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur ini.

Saya ingin merujuk kepada kenyataan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya bahawa Kementerian Kerjaraya akan membuat beberapa cadangan balas ataupun "counter proposals", dengan izin, kepada rancangan Dewan Bandaraya untuk membina 5 buah persimpangan bertingkat ataupun "interchanges" di Kuala Lumpur dan sekurang-kurangnya sebuah daripadanya akan melibatkan kutipan tol.

Menurut Menteri yang berkenaan, cadangan balas akan menyentuh methodology, sistem pemecahan lalulintas di persimpangan bertingkat, kadar tol dan lokasi-lokasi plaza kutipan tol ini.

Beliau juga menyebut bahawa beliau telah diarah menyediakan satu Kertas Kabinet ataupun Cabinet Paper untuk dikemukakan kepada Kabinet untuk perbincangan pada akhir bulan ini dan mengenai persoalan kutipan tol untuk 5 buah persimpangan bertingkat. Yang Berhormat Menteri berkata

kebenaran perlu diberikan oleh Menteriannya sebelum ini dapat dilaksanakan.

Saya menghargai kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini tetapi apa yang memeranjatkan saya ialah apa yang saya membaca dalam suratkhbar baru-baru ini. Menurut satu kenyataan yang dibuat oleh Dato Bandar, Dewan Bandaraya tidak menyedari Kertas Kabinet yang disediakan oleh Kementerian Kerjaraya mengenai cadangan balas dan rekomendasi berhubung pembinaan 5 buah persimpangan bertingkat dalam Bandaraya.

Dato' Bandar menyatakan sejauh yang Dewan Bandaraya ketahui, kelulusan untuk membina persimpangan bertingkat yang melibatkan kutipan tol ini yang akan dikenakan di salah satu persimpangan telah diberikan oleh Kabinet pada dua tahun yang lalu. Dato' Bandar juga menyatakan bahawa Dewan Bandaraya sedang melaksanakan keputusan itu dan beliau tidak menyedari akan Kertas Kabinet yang sedang disediakan oleh Kementerian yang berkenaan untuk perbincangan pada akhir bulan ini. Menurut beliau, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya mewakili kuasa kepada Dewan Bandaraya untuk kutipan tol bagi membiayai kos persimpangan-persimpangan bertingkat bagi tempoh 12 tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada kenyataan-kenyataan yang berbeza dan boleh disifatkan bercanggah ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memperolehi kebenaran dan apa yang saya menghendaki ialah kebenaran dan memastikan siapa yang betul, sama ada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ialah yang betul ataupun kenyataan yang dibuat oleh

Dato' Bandar yang betul dan saya memerlukan penjelasan ini demi kepentingan orang ramai dan khususnya penduduk-penduduk di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sungguhpun penduduk-penduduk Kuala Lumpur menghargai keputusan membina 5 buah persimpangan bertingkat bagi memudahkan atau mengurangkan kesesakan lalulintas dalam Bandaraya tetapi adalah penting bagi butir-butir yang penuh atas projek yang diswastakan ini diumumkan kepada ramai terutamanya tentang kedudukan lokasi plaza tol itu dan kutipan tol. Penduduk-penduduk Kuala Lumpur berasa hairan dan terkejut dengan berita bahawa satu perjanjian telah ditandatangani oleh Dewan Bandaraya dan sebuah firma Syarikat Teratai KG baru-baru ini untuk membina 5 buah persimpangan bertingkat dalam Bandaraya yang mana tol akan dikutip untuk membiayai pembinaan persimpangan bertingkat ini. Orang ramai berhak mengetahui mengapa tandatangan perjanjian dibuat secara rahsia dan tidak ada maklumat dikeluarkan kepada orang ramai mengenai isi kandungan perjanjian itu. Bagaimana boleh sesuatu perjanjian ditandatangani dalam mana penduduk-penduduk di Kuala Lumpur akan terikat untuk selama beberapa tahun yang tidak diketahui berhubung dengan kutipan tol pada kadar dan semakan yang mana orang ramai sendiri berada dalam kegelapan.

Saya percaya mana-mana Kerajaan yang bertanggungjawab akan memberitahu kepada orang ramai apakah isi kandungan perjanjian, syarikat dan terma kontrak, butir-butir mengenai kutipan tol seperti bilangan plaza tol dan lokasi, kadar tol, tempoh lama kutipan dan lain-lain butir-butir yang diputuskan sebelum perjanjian itu ditandatangani. Orang ramai tidak ada peluang untuk

melahirkan pandangan mereka mengenai perkara ini pada keseluruhannya.

Dan apa yang lebih serius ialah perjanjian ditandatangani tanpa pengetahuan umum jika tidak didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kepada sebuah suratkhbar iaitu *The Malay Mail* pada 28hb November, 1987. Kementerian Kerjaraya hendaklah mengambil suatu pandangan yang serius mengenai perkara ini dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mestilah memastikan penswastan 5 buah persimpangan bertingkat mestilah dibincangkan sepenuhnya dalam Kabinet memandangkan banyak implikasi yang timbul.

Yang Berhormat Menteri mesti juga memastikan bahawa kebenaran tidak diberikan kepada kutipan tol sehingga butir-butir penuh cutangan kutipan tol seperti kadar tol, lokasi plaza tol dan lain-lain butir dikeluarkan untuk maklumat umum dan maklum-balas dihantar balik kepada Kementerian dan Kabinet demi kepentingan keadilan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.09 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam Kementerian Kerjaraya ini di mukasurat 239, B. 54, Butiran 030000, Bekalan Air yang diperuntukkan \$2.076 juta.

Air adalah amat penting kepada manusia dan juga insan yang ada dalam dunia ini. Air juga dijadikan oleh Allah s.w.t. bagi menghidup dan mematikan manusia juga. Oleh itu dalam masalah ini rata-rata kita melihat di kawasan

luar bandar sungguhpun kita telah pun 30 tahun merdeka masih lagi banyak lagi kampung-kampung yang belum dapat lagi bekalan air yang secukupnya.

Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan kerana rakyat luar bandar ini apabila kita menghadapi pilihanraya dan berkehendakkan undi yang banyak adalah datangnya dari luar bandar. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Kerajaan supaya dapat memberi keutamaan, kalau boleh semua kampung yang ada dalam negara kita sekarang ini dapat diperbekalkan air secukupnya. Di negeri-negeri dalam negara kita ini air begitu banyak, tetapi umpamanya di Johor banyak kampung tidak mendapat air sedangkan orang di seberang sana, di Singapura mendapat sepenuhnya air, manakala kampung-kampung dalam negara kita sendiri tidak mendapat bekalan air secukupnya.

Saya tidak hendak bercerita panjang soal itu, hanya saya hendak menghubungkan berhubung dengan air ini di Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur ini juga boleh dikatakan kaum miskin duduk di kawasan-kawasan setingan dan juga di bukit bukau yang ada sekarang ini, mereka ini memerlukan air. Kadangkala kalau kemarau begitu lama di Kuala Lumpur, mereka ini tidak dapat air. Kita pergi ke Jabatan Kerja Air dan mereka mengatakan paip boleh dipasang tetapi tekanan air (pressure) tak cukup. Orang bertanya, apa sebab Bukit Kampung Kerinchi yang begitu rendah tak dapat dinaiki air sedangkan di bangunan 60 tingkat boleh naik air? Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan janganlah pihak yang tertentu atau yang berkenaan buat telah untuk membekalkan air kepada penduduk-penduduk yang berkehendakkan air ini.

Umpamanya Kampung Kerinchi dan kampung-kampung lain yang ada di kawasan-kawasan ini dan juga di kawasan-kawasan setinggan memerlukan air oleh kerana mereka ini juga besar pengorbanannya apabila kita menghadapi pilihanraya dan seterusnya berkehendakkan undi-undi mereka. Apabila pilihanraya yang akan datang bila kita menghadapi masalah ini, ahli-ahli politik kena tamparan hebat. Oleh itu dalam masalah ini, sebelum masanya tiba, saya mengharapkan kepada pihak Jabatan Kerja Air khususnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan dan juga di kawasan-kawasan yang lain dalam negara kita ini supaya air ini dapat dibekalkan kepada manusia yang berkehendakkan air.

Yang kedua, di mukasurat 240, P.54, Butiran 00600 Jalanraya-jalanraya Baru, Butiran 00700 Pembinaan Jalanraya-jalanraya Persekutuan dan juga Jambatan-jambatan.

Dalam masalah jalan-jalan ini kita pun mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Kerjaraya yang membuat jalan yang begitu baik untuk menyenangkan kenderaan, sama ada besar atau kecil, yang dahulunya berliku-liku dan bengkok, sekarang sudah lurus. Dengan kelurusan ini juga banyak nyawa yang telah melayang dengan adanya lebuhraya-lebuhraya yang ada sekarang ini.

Dalam masalah ini saya mengharapkan sungguhpun ada, kalau tak silap saya, banyak tanda-tanda yang telah dibuat di tiap-tiap jalan supaya perlahan-perlahan dan seterusnya, tetapi saya rasa tidak mencukupi sekarang ini. Tanda-tanda yang seumpama itu sepatutnya dibuat ada sahaja selekoh sedikit ataupun keadaan-keadaan merbahaya supaya tanda-tanda ini diletakkan di tiap-tiap jalan tersebut supaya mengelakkan daripada kelajuan kenderaan-kenderaan yang tidak terasa kerana

kenderaan yang ada sekarang semuanya berhawa dingin dan kadangkala lari 140 km pun tak terasa lari begitu laju. Oleh itu dalam masalah ini, kita lihat di negara-negara lain keadaan keselamatan jalanraya ini amat penting dan tiap-tiap daerah dijaga, kadangkala Polis menunggu dan radar-radar juga dipasang bagi mengingatkan pemandu-pemandu. Dalam keadaan inilah jarang-jarang kita melihat atau mendengar pelanggaran oleh pemandu-pemandu yang berlaku di sana tetapi kalau dibandingkan dalam negara kita ini dengan adanya jalan-jalan yang besar sekarang ini begitu banyak pelanggaran kemalangan yang berlaku.

Dalam soal kita membuat jalan baru ini juga saya mengharapkan Jabatan Kerjaraya dan Lebuhraya Persekutuan supaya mengambilkira dengan keadaan kemiskinan penduduk-penduduk kampung yang mana mereka ada dahulu. Umpamanya di Lebuhraya Kuala Lumpur—Melaka, dipersimpangan ke Masjid Tanah dan seterusnya di Tampin telah diadakan gerai-gerai tetapi dengan adanya Lebuhraya Kuala Lumpur—Air Keroh matapencarian mereka itu telah pun tertutup. Oleh itu dalam masalah ini, kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan atau Jabatan Kerjaraya membenarkan mereka berniaga kerana saya pun lihat di tiap-tiap jalanan itu ada tempat-tempat rehat yang telah disediakan, tempat-tempat perhentian disediakan dan telefon juga telah dipasang. Kita mengharapkan supaya pihak Jabatan Kerjaraya menyediakan kawasan-kawasan perniagaan ini supaya memulihkan kehidupan penduduk-penduduk kampung ini agar mereka dapat berniaga menjual buah-buahan, makanan dan sebagainya.

Dalam soal jalan-jalan ini juga, Tuan Pengerusi, yang dibiayai oleh Jabatan Kerjaraya, kita mengharapkan

juga supaya jalan-jalan di kampung-kampung Melayu atau Tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation) juga diambilkira supaya jalan-jalan mereka ini diperbaiki kerana sekarang ini apabila kita lihat sahaja Tanah Simpanan Melayu ini jalan-jalannya tidak diambilkira, tidakpun difikirkan bagaimana untuk diperbaiki. Dengan keadaan inilah tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu tidak berharga buat masa ini kalau dibanding dengan kawasan Kampung-kampung Baru (New Villages) sekarang ini dan kalau dibandingkan dengan kawasan di Kampung Baru, Kuala Lumpur sendiri dengan kawasan Kampung Baru di Salak South dan Sungai Way. Harga tanah, saya rasa lebih berharga di Sungai Way dan juga Salak South kalau dibanding dengan kawasan tanah Melayu yang ada di Kampung Baru dan juga di Segambut, oleh sebab di kawasan-kawasan ini jalanraya tidak dijaga, kalau ada pun lampu-lampu jalan yang disediakan ialah lampu-lampu yang malap, yang tidak terang, tetapi di kawasan-kawasan lain diperindahkan. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan supaya jangan dianaktirikan tanah-tanah kepunyaan orang Melayu ini.

Di samping itu jangan membuat jalan-jalan ini, saya memandangkan tender-tender telah pun diberi kepada pemborong-pemborong yang telah dapat. Dalam keadaan yang negara kita menghadapi sekarang ini kita telah pun menghantar ramai anak-anak kita keluar negeri belajar dalam segi undang-undang, arkitek, kejuruteraan, ekonomi dan seterusnya. Mereka ini balik tetapi tidak mendapat kerja.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya mencadangkan di sini tiap-tiap penender yang telah dapat dengan keadaan membuat jalan atau jambatan

yang ada pada hari ini, umpamanya beri budak-budak atau arkitek itu pekerjaan. Kita mewajibkan kepada penender-penender mengambil satu ataupun dua orang graduate yang menganggur ini dan diberi latihan. Kalau mereka ini dari segi jurusan juru pelan, mereka patut diberi peluang untuk menggariskan pelan-pelan bangunan yang kecil-kecil dahulu. Jikalau mereka ini jurutera, beri dia peluang membuat jambatan-jambatan yang kecil supaya mereka ini merangka jambatan-jambatan ini. Dengan keadaan ini saya rasa dapat meringankan sedikit keadaan pengangguran graduate yang ada pada hari ini. Jikalau kita biarkan sahaja masalah ini, mereka ini makin sehari makin tua dan pengalaman pun tidak ada. Dengan adanya pengalaman yang diberi ini kalau mereka berhenti pun kemungkinan mereka akan dapat bekerja sendiri dan boleh berdikari untuk masa hadapan mereka.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan skim memperbaiki lalulintas di Kuala Lumpur—Petaling Jaya ini oleh kerana kita selalu menggunakan jalan ini.

Di Bawah Butiran 01700, muka surat 240, Maksud P.54 juga, kita lihat sekarang di lebuhraya antara Jalan Syed Putra sehingga ke Petaling Jaya, apabila hari hujan kita lihat begitu banyak air yang bertakung sehingga menyebabkan kenderaan-kenderaan tidak dapat lalu, kadangkala sehingga dua-tiga jam. Ini juga saya mengharapkan supaya pihak Jabatan Kerja Raya mengkaji bagaimana sebab-sebabnya.

Sebagaimana saya sebutkan selalu biasanya ini disebabkan kerana pembentung dan longkang-longkang di kiri-kanan jalan itu tidak mencukupi.

Juga Pantai Bharu di hadapan Syarikat Telekom Malaysia yang ada pada hari ini, selalunya banjir oleh sebab longkang-longkang tidak ada di situ. Saya rasa ini adalah tanggungjawab pihak Jabatan Kerja Raya, Wilayah Persekutuan. Di satu lagi interchange iaitu Jalan Damansara, di sana ada jalan-jalan untuk masuk ke Taman Tun Dr Ismail dan juga ke Jalan Lebuhraya Persekutuan. Saya harap tindakan akan diambil untuk memperbaikinya kerana di sana juga selalu banjir berlaku dan kenderaan-kenderaan tidak dapat lalu di kawasan itu. Oleh itu, dalam masalah ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas peruntukan itu dan saya menyokong di atas peruntukan yang telah diperuntukkan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat, walaupun ada beberapa orang lagi yang ingin hendak mengambil bahagian tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka kita terpaksa membuat jawapan.

Jadi, saya inginlah memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bercakap pada petang ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah menyarankan supaya membenarkan 26 tonne gross combination weight, dengan izin, bagi kenderaan dengan 3 axle yang tidak melebihi had 9 tan dibenarkan melalui jalan-jalanraya tanpa syarat dan sebagai langkah jangka medium, dan jangka panjang

menaikkan had axle dari 9 tan kepada 12 tan. Selaras dengan mutu jalan raya yang ada sekarang.

Inginlah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini satu kajian, Axle Loan Study, dengan izin, yang sedang dilaksanakan oleh juru perunding dari United Kingdom telah pun siap baru-baru ini. Syor kajian ini adalah untuk menaikkan had axle dari 9 tan kepada 12 tan berperingkat-peringkat mengikuti program memperkuat jambatan-jambatan dan jalan-jalan yang sedia ada.

Berkenaan dengan membenarkan 28 tonne gross combination weight tanpa syarat itu, oleh sebab sebahagian daripada jambatan-jambatan yang sedia ada tidak boleh menampung keberatan ini, kebenaran hanya boleh dibuat tanpa syarat apabila keadaan jambatan-jambatan tersebut telah diperkuatkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah mengemukakan supaya pengguna-pengguna jalanraya dibenarkan menggunakan kupon untuk membayar tol seperti yang terdapat di negara-negara Barat dan di Jepun. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedang mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan penggunaan kupon atau sistem yang lain yang difikirkan bersesuaian bagi mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut itu. Kita harap dengan adanya sistem itu nanti, maka pelaksanaan sistem yang ada sekarang akan dapat diperkemaskan dan kita harap kesesakan di kawasan-kawasan pembayaran tol akan dapat dielakkan atau akan dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Larut juga telah menyarankan supaya under-path ataupun terowong dibina di setiap kampung yang terlibat di bawah pembinaan lebuhraya.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa di setiap lebuhraya yang telah dibina under-path atau terowong kecil telah dibuat atau dibina oleh LLM di antara jarak 1 km atau 2 km. Terowong dan under-path yang dibina itu adalah mengikut keadaan yang terdapat di kawasan-kawasan yang terlibat. Jadi, kita harap dengan adanya dasar yang telah digubal oleh LLM ini, mungkin juga akan melibatkan sedikit sebanyak ketidak-senangan hati daripada penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar sepanjang lebuhraya. Kita harap mereka akan bersedia untuk menggunakan jalan-jalan susuran yang dibina demi untuk kepentingan penduduk-penduduk kampung yang terlibat.

Mengenai dengan kutipan tol di mana lebuhraya sedang diperbaiki, beliau bercadang supaya tidak seharusnya dikenakan tol seperti yang terdapat di Karak Highway, sukalah saya menyatakan di sini bahawa walaupun kerja-kerja yang terdapat di sebahagian jalanraya itu, tetapi sebahagian besar daripada lebuhraya tersebut adalah selesa untuk digunakan. Oleh itu adalah difikirkan pungutan tol ini patut dan harus dikekalkan.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menimbulkan soal kadar bayaran tol di Jambatan Pulau Pinang dan juga mengenai bayaran tol bagi penunggang-penunggang motosikal yang masih dikenakan bayaran tol di jambatan tersebut.

Inginlah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kerjaraya bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan termasuk Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah mengkaji dengan mendalam akan kesan-kesan dan implikasi penurunan kadar bayaran tol di Jambatan Pulau Pinang dan mendapati bahawa penurunan bayaran tol itu akan mengakibatkan

kerugian serta kemungkinan pemberhentian beberapa pekerja yang ada sekarang ini. Oleh itu Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk menangguhkan penurunan kadar bayaran tol yang telah diumumkan terlebih dahulu oleh Menteri Kerjaraya.

Soal

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Simunjan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Peraturan Mesyuarat 35(7) muka surat 40 masa dan cara bercakap

"Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap, jika perlu". Tetapi dikatakan di sini tidak ada had jumlah yang bercakap.

Saya tengok tadi begitu ramai yang berdiri hendak bercakap tetapi distop. Dalam peraturan ini tidak ada menyebut begitu.

Jadi saya hendakkan penjelasan. Kerana kita ini Wakil Rakyat dan kita juga ingin turut serta dan berhak hendak menyuarakan hasrat rakyat. Jikalau berhenti di tengah jalan macam itu, bagaimana? Jadi saya ingin penjelasan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Pertamanya saya suka menerangkan, bahawa kuasa Pengerusi adalah muktamad. Dan kita terpaksa menggunakan masa untuk menghabiskan banyak lagi Kementerian-kementerian dan kita mesti habiskan pada hari esok. Dan saya difahamkan bahawa tidak kurang daripada 15 bil akan dibincangkan

dalam masa dua hari. Jadi, terpaksa saya menggunakan budibicara untuk menghadkan masa bagi tiap-tiap ahli itu berucap.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Semua jelas akan keadaan sebenar.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Pengerusi, mengenai cadangan pengecualian bayaran tol ke atas penunggang-penunggang motosikal di Jambatan Pulau Pinang, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan pada masa ini belum lagi bercadang untuk mengecualikan bayaran tol ke atas penunggang-penunggang motosikal yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok telah bangun untuk menyuarakan dan membangkitkan mengenai jalan Batu Lintang ke Lubok Antu yang belum lagi ada kemajuannya. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa jalan raya ini adalah sebahagian daripada jalan raya Kuching/Sibu di mana lebih kurang 92 kilometer telah pun siap disurvei dan design telah pun dibuat oleh consultant. Dan kerja-kerja ini terpaksa tender semula kerana kita dapati bahawa mengikut pandangan daripada pihak JKR Negeri bahawa kerja ini perlulah ditender dan insya Allah, kerja-kerjanya akan dilaksanakan. Kita harap mulai daripada awal tahun 1988.

Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai kemajuan Empangan Aning, sukalah saya menyatakan bahawa kemajuan projek ini pada masa ini lebih kurang 30% dan ianya dijangka akan siap pada penghujung tahun 1988.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah menimbulkan beberapa persoalan tentang pelaksanaan projek bekalan air luar bandar di negeri Kedah khususnya di kawasan Ahli Yang Berhormat. Inginlah saya menyatakan di sini bahawa rancangan bekalan air luar bandar yang dikendalikan oleh Antah-Biwater meliputi banyak kawasan pedalaman di negeri Kedah. Pelaksanaan projek ini adalah lambat sedikit jika dibandingkan dengan jadual pelaksanaannya. Prestasi kontraktor ini bolehlah ditingkatkan lagi untuk mencapai kemajuan yang lebih memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran tender kepada sub-kontraktor adalah di bawah bidang kuasa Antah-Biwater sahaja. Kerana projek ini adalah satu projek turnkey, maka Kementerian Kerjaraya bolehlah campur tangan untuk memastikan syarat-syarat yang dikenakan kepada Antah-Biwater ini benar-benar dilaksanakan oleh syarikat ini.

Mengenai perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan dengan Antah-Biwater, Kerajaan telah meneliti semua syarat-syarat yang telah ditandatangani dan Kerajaan telah berpuas hati dengannya. Kita sedar bahawa memang ada perselisihan tafsiran tentang kontrak di antara Jurutera-jurutera JKR dan juga Jurutera-jurutera daripada Antah-Biwater. Mesyuarat telah diadakan untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berbangkit.

Saudara Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah mempersoalkan peruntukan \$10 juta yang diperuntukkan dalam Anggaran 1988 yang walaupun mengikut Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan jambatan Pasir Mas ini akan menelan belanja lebihkurang \$25 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

bahawa peruntukan yang diperuntukkan ini adalah untuk tahun 1988 sahaja dan oleh kerana jambatan ini dianggarkan akan siap dalam tempoh dua tahun, maka adalah diharapkan peruntukan yang bakinya akan diperolehi bagi tahun 1989.

Saudara Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan tentang jambatan di Jalan Seli ke Pasir Putih di mana tol dikenakan kepada kenderaan oleh pemborong. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jambatan yang disebutkan itu adalah jambatan sementara yang dibina oleh pemborong untuk kerjanya. Jambatan tetap telah pun hampir siap di bawah projek jalan raya Timur-Barat Fasa II bahagian Timur yang dijangka siap pada awal tahun 1988 dan kita harap setelah jambatan ini siap nanti dan dibuka untuk kegunaan orang awam, maka pengguna jalan tidak lagi perlu melalui jambatan sementara itu.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tunggu sekejap, minta penjelasan atau hendak menjelaskan?

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan sedikit. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa yang saya maksudkan tadi adalah di jambatan yang sudahpun siap ataupun hampir siap, tetapi barangkali pihak kontraktor ataupun pemborong mengambil kesempatan. Saya sedar bahawa sebelum daripada ini di jambatan lama, jambatan kayu sementara itu yang diambil pungutan, sekarang ada difahamkan pungutan diambil dan saya pernah ditahan supaya tidak melalui jambatan itu walaupun saya dalam kesuntukan masa untuk sampai ke Kota Bharu. Perkara ini dipercakapkan oleh pengguna-pengguna sepatutnya tidak berlaku begitu. Kalau tidak boleh guna, jangan

guna terus kepada sesiapa sekalipun sehingga jambatan itu siap.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Pengerusi, saya tidak sedar tentang masalah yang ditimbulkan oleh saudara Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan ambil ingatan perkara ini dan saya akan cuba memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat apabila saya mendapat jawapan daripada pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah juga turut bangun untuk mempersoalkan tentang kontrak pembinaan plaza-plaza dipersimpangan yang bertingkat di Bandaraya. Sukalah saya menyatakan di sini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa perwakilan kuasa di bawah Akta Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 belum lagi dibuat oleh Menteri Kerjaraya kepada Datuk Bandar. Setakat yang diketahui, perwakilan kuasa ini belum lagi diberikan kepada pihak Bandaraya dan apa yang telah dinyatakan oleh Datuk Bandar dalam suratkhbar itu tidaklah dapat kami pastikan tentang kesahihannya buat masa ini.

Mengenai Kabinet Paper yang telah Yang Berhormat timbulkan yang akan dibentangkan kononnya oleh Menteri Kerjaraya dalam masa dua minggu, saya sendiri pun tidak dapat memberi jawapan yang tepat tentang perkara ini kerana mengikut pegawai-pegawai daripada Kementerian Kerjaraya, mereka belum lagi mendapat arahan untuk tujuan ini. Tetapi walau bagaimanapun, sukalah saya nyatakan di sini bahawa apa juga perselisihan kenyataan yang telah dibuat oleh kedua-dua pihak iaitu Menteri Kerjaraya dan Datuk Bandar, saya ingat mungkin kenyataan yang telah dibuat oleh Datuk Bandar adalah berdasarkan kepada kuasa yang telah diberikan kepadanya dua tahun dahulu. Dan apa yang telah

dikeluarkan oleh Menteri Kerjaraya adalah berdasarkan kepada kuasa yang diperuntukkan kepada beliau di bawah Akta Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap, minta penjelasan?

Tuan Lee Lam Thye: Ya. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kementerian Kerjaraya memberi satu jaminan di sini bahawa sebelum perjanjian yang telah ditandatangani di antara Dewan Bandaraya dengan sebuah syarikat pembinaan, Syarikat Teratai K.G. dilaksanakan, Kementerian yang berkenaan memerlukan bahawa segala butir-butir khususnya mengenai perkara kutipan tol ini, tentang kadar tol ini dan semakan dan butiran-butiran lain akan dibincang di dalam Kabinet sebelum memberi kelulusan kepada pelaksanaan projek itu ?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa perwakilan kuasa di bawah Akta Jalan Persekutuan belum lagi dibuat oleh Menteri Kerjaraya kepada pihak Datuk Bandar dan apabila masanya sudah tiba untuk perwakilan kuasa ini diberikan, saya percaya bahawa perkara ini akan dirujuk dan ditimbang di dalam mesyuarat Jemaah Menteri nanti.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah juga menyuarakan tentang keselamatan jalan raya. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa memanglah menjadi tanggungjawab kita di Kementerian Kerjaraya ini untuk menentukan bahawa setiap jalan raya yang kita bina bahawa

keselamatan jalan raya itu dititikberatkan dengan mengadakan bermacam-macam kemudahan-kemudahan demi untuk kepentingan pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Pengerusi, saya ingat sekian sahajalah jawapan-jawapan yang sempat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mana-mana perkara yang mungkin tidak sempat saya jawab, saya berjanji akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara tersebut. Saya juga mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan komen serta pandangan-pandangan dalam perbincangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$327,969,600 untuk Maksud B.54 di bawah Kementerian Kerjaraya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$327,969,600 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,284,496,730 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,284,496,730 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.55 (Jadual)—

Maksud P.55 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.55 dan Kepala Pembangunan P.55 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.54 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin lagi sekali mengambil kesempatan khususnya di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah khususnya menarik perhatian kepada mukasurat 249, Maksud B. 55 Butiran 020000 Pengurusan dan Perundangan Tanah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian atas perkara ini di Seksyen 129 Kanun Tanah Negara di mana saya meminta supaya Kementerian khususnya Timbalan Menteri ataupun Menteri berkenaan mengkaji semula ataupun meminda Seksyen 129 Kanun Tanah Negara ini yang mana untuk membolehkan tanah-tanah terbiar yang banyak terbiar oleh sebab-sebab tertentu, disengajakan atau tidak disengajakan, tamak tanah dan sebagainya oleh pihak-pihak tertentu agar tanah tersebut dapat diambilalih ataupun dirampas untuk projek-projek pembangunan ataupun diberi kepada mereka atau kelompok-kelompok belia, siswa-siswa yang memerlukan tanah untuk dimajukan.

Kita dapati Seksyen ini agak kurang jelas dari segi prosedur-prosedurnya dan kadang-kadang melahirkan interpretasi yang agak berbeza dan ada pendapat di kalangan pentadbir-pentadbir tanah yang agak berbeza di dalam perkara ini, sama ada tindakan

boleh diambil ke atas tanah-tanah terbiar ini setelah proses-proses tertentu dilakukan seperti notis dan perintah-perintah diberi kepada tuan-tuan tanah tersebut.

Saya dapati, Tuan Pengerusi, perkara ini banyak berlaku kerana di negara kita ini memang masih banyak tanah dan banyak tanah terbiar, sementara itu masih ramai yang memerlukan tanah mencero bohi tanah-tanah haram. Apa yang berlaku kita dapati pembaziran berlaku di sana sini, kepada tanah yang diteroka secara haram, akan berlaku pembaziran dari segi kerosakan pokok-pokok, keadaan hutan, tadahan hujan dan sebagainya dan juga tanah-tanah yang telah diteroka atau telah dimiliki tetapi terbiar pun juga membazir kepada penggunaan keseluruhannya.

Saya sempat berbincang dengan kelompok-kelompok belia ataupun siswa-siswa menganggur bila mereka cuba meminta tanah-tanah baru, kita mencadangkan supaya memulih tanah-tanah terbiar dengan membuat perundingan dengan tuan-tuan tanah tetapi dalam perkara ini memang masih menjadi masalah di mana bila siswa ini menemui kelompok-kelompok tertentu, mereka tidak membenarkan tanah mereka disewa ataupun dirunding untuk dibuat guna untuk pertanian dan juga mereka mengatakan perlu mereka memiliki tanah-tanah baru untuk dibuat pertanian, dimajukan tanah pertanian.

Di dalam hal ini, saya rasa patutlah Seksyen itu dikaji untuk membolehkan tanah-tanah terbiar itu dengan secara yang paling singkat untuk diambilalih atau diberi kepada pihak-pihak yang berminat yang boleh memajukan tanah dan perkara ini saya rasa barangkali sesuai dengan keadaan di mana siswa-siswa tani atau siswa-siswa menganggur boleh secara

berkelompok memajukan tanah-tanah yang sudahpun terbiar dan di masa yang sama dapat mengatasi masalah tanah yang terbiar itu dan juga kita dapat mengatasi satu sikap di kalangan pemilik-pemilik tanah khususnya orang-orang Melayu sendiri yang tamak kepada tanah. Mereka sudah ada tanah tetapi mereka masih mencari tanah-tanah baru, meneroka secara haram dengan menggunakan nama-nama tertentu, nama-nama pegawai Kerajaan, nama-nama Wakil Rakyat untuk kepentingan mereka menyebabkan kita sendiri dalam keadaan serba-salah dan kalau perkara ini dapat kita tegaskan, dapat memastikan mereka yang sudah memiliki tanah ini akan menggunakan tanahnya semaksimum yang boleh dan dalam jangka masa yang tertentu kalau tanah yang diberi itu tidak digunakan, maka dapat diambilalih dengan segera dan diberi kepada mereka yang tahu atau mereka yang hendak menggunakan tanah itu dengan baik.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan kerana ini untuk memberi peluang kepada mereka yang pernah bersungut khususnya siswa-siswa ini untuk mengusahakan tanah dan memajukan tanah supaya perkara ini dapat diberi perhatian untuk membolehkan tanah-tanah terbiar itu digunakan semaksimum yang boleh khususnya memberi peluang kepada mereka yang saya sebutkan tadi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

5.59 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberi

peluang kepada saya bercakap sedikit sebanyak mengenai dengan Kementerian ini.

Saya suka merujuk kepada Maksud P.55 mukasurat 253 mengenai dengan Butiran 00100 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sebelum daripada itu saya suka merujuk kepada Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1988 di mana di bawah Kementerian ini dinyatakan tujuannya ialah untuk merumus, merancang, menyelaras serta melaksanakan dasar pembangunan dan penggunaan tanah di peringkat Persekutuan dan Negeri supaya perolehan maksimum boleh didapati dari penggunaan tanah negara.

Di sini sukalah saya mengucapkan syabas kepada LKTP yang telah banyak membuka rancangan-rancangan tanah yang mana dengan adanya pembukaan rancangan yang begitu banyak boleh menempatkan ramai peserta-peserta dan mereka telah mendapat pendapatan yang boleh dibanggakan. Hanya saya suka menyuarakan sekali lagi supaya rancangan tanah LKTP ini dibuka mengambil kira dari segi kawasan, janganlah menumpukan kepada sesebuah negeri sahaja bagi dibuka rancangan tanah ini. Perlulah diambil kira di mana-mana negeri lain yang perlu dibuka. Sebab saya pernah menyatakan contoh, di Pahang sahaja tidak kurang daripada 161 rancangan LKTP telah dibuka. Kena Kementerian mengimbangkan mana-mana negeri yang belum dibuka, perlulah diambil perhatian, kalau tidak, keadaan ekologi tanah dan keadaan semula jadi alam akan berubah begitu ketara sehinggakan melibatkan pencemaran sama ada tanahnya runtuh, hutannya telah ditebang begitu luas menyebabkan sungai-sungainya, takungan air akan kekeringan dan ini semua akan melibatkan kesukaran kepada negeri-negeri yang terlibat.

Saya hendak menyentuh di sini ialah mengenai Ibu Pejabat, 03—Jalan-jalan FELDA. Setahu saya manamana jalan di rancangan FELDA, contohnya di Jengka, jalan masuk ke Kampung Awah keluar ke Jengka Pusat, daripada Jengka Pusat keluar ke Simpang Jengka Jaya. Dikatakan jalan itu masih belum digazetkan di bawah standard JKR. Kalau sekiranya jalan ini tidak digazetkan di bawah standard JKR sudah barang tentu sukar bukan sahaja untuk menyelenggarakan tetapi dari segi keselamatan. Sebab itu jalan ini dibiarkan begitu sahaja, tidak ada line putih yang menentukan jalan di tepi dan di tengah. Ini amat menyusahkan kepada pengguna-pengguna jalan, tambahan lagi kalau sekiranya di waktu malam, sudah barang tentu kita tidak tahu sebenarnya keadaan jalan tersebut.

Perluah pihak Kementerian yang berkenaan bekerjasama dengan JKR menentukan supaya jalan ini diambilkira, digazetkan di bawah standard JKR. Kalaulah sekiranya pembinaan ini tidak boleh diiktiraf oleh JKR, sepatutnya semasa kita membuat pembinaan itu perluah mendapat pandangan, nasihat daripada JKR supaya jalan itu kemudiannya boleh diambil oleh JKR, kalau tidak ini tentulah membahayakan.

Perkara yang kedua, saya hendak menyentuh dari segi rungutan daripada peserta-peserta sebab kalau kita perhatikan beberapa potongan tertentu telah kita kenakan kepada peserta-peserta di peneroka-peneroka FELDA. Contohnya ialah potongan belanja pengangkutan (BTB) yang dikenakan \$11.15 sen hetong panjangnya tiap-tiap satu tan. Potongan ini dipulangkan balik kepada koperasi ialah \$8.40 sen satu tan. Bakinya yang \$2.75 sen setan selalu dipersoalkan oleh pihak koperasi. Kemanakah baki itu

digunakan? Mungkin ini ada penjelasannya, tetapi perlulah diberitahu dengan jelas kepada pihak-pihak peserta.

Selain daripada itu ialah tentang pemerahan buah kelapa sawit di kilang-kilang FELDA. Kedapatan di antara satu kilang dengan satu kilang kadang kala berbeza tiap-tiap satu tan. Apakah sebabnya perbezaan ini? Sama ada pihak peserta mengambil buah yang masih muda ataupun bagaimana? Kadangkala buah ini diterima dibawa ke kilang tetapi buah yang muda dan buah yang kurang masak tidak dikilang. Kemanakah buah-buah ini kita gunakan? Selain daripada itu ada juga rungutan kadangkala buah kelapa sawit ini perlu dikilangkan dengan secepat mungkin, kalau sekiranya dalam tempoh tiga hari atau empat hari tidak dikilang, buah ini akan menjadi busuk dan tidak boleh digunakan lagi. Dengan sebab itulah pihak pentadbiran kilang FELDA perluah mengambil perhatian yang serius mengenai perkara ini supaya tidak ada rungutan daripada pihak-pihak peserta terutama sekali daripada pihak peserta dalam kelapa sawit.

Masalah yang kedua, ialah peserta-peserta di rancangan FELDA yang mempunyai tanaman getah. Setahu saya, pendapatan getah memanglah sekarang ini agak baik kerana harganya sentiasa seimbang, tidaklah sebagaimana kelapa sawit. Tetapi apa yang kedapatan, mereka mengatakan apabila mereka menjual keluar daripada kilang getah FELDA, harganya lebih. Ini selalu dipersoalkan. Walaupun kita perlu supaya mereka itu menjual semua getah-getah mereka kepada kilang FELDA supaya kita boleh memotong segala hutang-hutang mereka, tetapi mereka lebih suka menjual keluar selain daripada mereka mendapat harga tinggi, selain daripada itu, saya tidak ketahuilah. Jadi, apakah

sebabnya ada perbezaan ini? Ataupun adakah mereka sengaja berdegil? Sebab saya percaya mungkin kalau kita mengenakan undang-undang yang ketat, mungkin mereka tidak sanggup atau tidak berani menjual getah mereka keluar.

Saya nampak undang-undang getah kita agaknya kurang kuat, maka sudah barang tentu mereka ini suka menjual getah mereka keluar. Perlulah pihak kita mengirakan satu undang-undang yang lebih baik supaya mereka tidak suka menjualkan getah mereka keluar. Kalau sekiranya mereka suka menjualkan getah ini keluar, sudah barang tentu mereka tidak boleh menjelaskan semua hutang-hutang mereka dan apabila kita hendak menanam semula getah-getah yang telah tua, ini akan menimbulkan masalah. Contoh-contohnya telah banyak kedapatan sekarang, ada di antara tanah-tanah itu terpaksa ditinggalkan kerana tuan tanah itu telah tidak membayar hutang, maka terpaksa tidak ditebang semula untuk ditanam semula. Inilah masalah-masalah yang dihadapi kalau sekiranya peserta-peserta tidak menjelaskan semua hutang-hutang mereka.

Selain daripada itu saya suka merujuk kepada mukasurat 256, Maksud Pembangunan P.55 iaitu di bawah LKWJ. Saya suka merujuk Tajuk 04—Bekalan Air. Kebetulan LKWJ ini 38 di dalam LKWJ adalah merupakan rancangan tanah FELDA termasuk tanah LKWJ. Kita telah menganggap bahawa semua rancangan tanah FELDA adalah merupakan kawasan luar bandar. Kalau sekiranya peruntukan ini diberikan \$10 juta merupakan pinjaman, sudah barang tentu pihak LKWJ yang menyelaraskan untuk membayar kembali pinjaman ini amat sukar. Sepatutnya Kerajaan mesti memikirkan supaya bukannya berbentuk pinjaman tetapi diberi

secara langsung, kerana kalau berbentuk pinjaman kepada kawasan-kawasan rancangan tanah yang dianggap sebagai luar bandar, ini akan membebankan kepada pihak yang mentadbirkan masalah ini.

Seperkara lagi yang saya hendak nyatakan di sini ialah masalah Bekalan Air di Jengka sendiri selalu keputusan. Kadangkala lima hari ada, lima hari tidak berair. Kadang-kadang dua hari ada air, dua hari tidak ada air. Ini adalah merupakan satu kesukaran yang menimpa kepada peserta-peserta di sana. Setelah dikaji, kadangkala satu hari, dua, tiga paip pecah dan sudah tentu akan mengendalakan air dan juga beberapa pam-pam lama yang 14 15 tahun masih belum berganti. Ini juga telah menjadikan tekanan air tidak kuat dan ini menyusahkan untuk peserta-peserta di sana untuk mendapatkan air. Air adalah perlu bukan sahaja untuk minuman, tetapi juga untuk menjaga kesihatan dan sebagainya. Perlulah pihak pejabat bekerjasama dengan JKR. Kadangkala yang menyelaraskan orang lain, yang mengawal orang lain dan inilah yang menjadikan kesukaran kepada pihak-pihak tertentu.

Dalam usaha ini perlulah ada kerjasama dalam menyelaraskan perkara-perkara ini.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamed bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah habis?

Tuan Mohamed bin Abdullah: Ya, sudah habis.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh.

6.10 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000, Program 010200 Pentadbiran Negeri juga Butiran 030000 Ukur Tanah.

Tuan Pengerusi, adalah lazimnya pemilik-pemilik tanah mengamalkan seksyen 124 dari Akta 56 Kanun Tanah Negara 1965. Ianya memindahkan syarat kegunaan tanah dan memecah sempadan tanah mengikut seksyen 124A dari Akta berkenaan dengan syarat hakmilik yang terlibat adalah berkekalan.

Untuk melanjutkan hakmilik yang asal sebelum pembahagian tanah, Pendaftar Tanah akan mengeluarkan surat hakmilik atau surat hakmilik kekal selepas pemilik-pemilik tanah memenuhi syarat di bawah seksyen 396 dari Kanun Tanah Negara dan juga peraturan-peraturan yang dikehendaki di bawah seksyen 171, 172 dan 173.

Di bawah seksyen 396 merupakan pengukuran yang benar termasuk ukuran yang telah dilaksanakan di tapak penetapan sempadan, pembahagian batu sempadan, kiraan keluasan dan penyediaan pelan pengesahan (certified plan), kiraan keluasan dan penyertaan pelan pengesahan itu oleh satu jurukur tanah swasta yang berlesen. Pelan berkenaan mesti diluluskan oleh Pengarah Jabatan Ukur, tetapi dalam Akta Kanun Tanah Negara tiada menyebut had masa (time plan) yang ditetapkan untuk jurukur tanah menyelesaikan kerjanya dan sama ada Pengarah Jabatan Ukur harus meluluskan atau tidak pelan pengesahan itu. Jadi, ini bermakna pemilik-pemilik tidak dapat tahu masa yang tetap bila surat hakmilik dapat diperolehi selepas kelulusan menukar syarat tanah dan memecah sempadan.

Oleh kerana proses pertukaran kegunaan tanah, pemecahan sempadan dan memperolehi surat hakmilik kekal termasuk demakrasi sempadan dan batu-batu di mana pemaju perumahan hanya dapat dilaksanakan selepas persiapan skim perumahan adalah harus dikatakan bahawa surat hakmilik kekal hanya dapat diperolehi selepas siapnya rumah-rumah.

Kelewatan dalam memperolehi surat hakmilik kekal sungguh menyusahkan kepada pemaju perumahan sebab tanpa surat hakmilik yang berasingan pemaju tersebut tidak boleh mendapati wang pinjaman (end financing) untuk pembeli-pembeli mereka. Akhirnya transeksi tuan pembeli tidak dapat ditunaikan. Masalah berkenaan tidak seakan-akan menimbangkan pemilik yang biasa. Walau bagaimanapun, seksyen 176 membenarkan pemilik memohon surat hakmilik selepas memecah sempadan. Satu daripada tujuan surat hakmilik sementara yang ditunjukkan di bawah seksyen 176(1)(b) adalah membolehkan surat hakmilik dikeluarkan terlebih dahulu sebelum pengukuran.

Tuan Pengerusi, lagi pun Akta berkenaan tidak menyebut berapa lama yang harus diberi kepada pemilik untuk menukar kepada surat hakmilik kekal selepas surat hakmilik sementara dikeluarkan.

Seperti yang sedia maklum, pembeli-pembeli rumah di merata-rata tempat kemajuan perumahan yang disiapbina 20 tahun yang lalu hanya memperolehi surat hakmilik sementara sahaja. Ini termasuk beberapa juta rumah pangsa kos rendah dan sederhana, apartment, kondos yang dipindah milik kepada pembeli-pembeli atas nama pemaju.

Kebanyakan jurukur tanah yang berlesen menegur bahawa mereka

terpaksa menunggu berbulan-bulan atau bertahun-tahun untuk surat hakmilik kekal, walaupun semua kerja-kerja persiapan yang dikehendaki oleh pihak yang berkenaan telah ditunaikan. Lagi pun kelulusan pelan pengesahan telah diberi oleh Pengarah Jabatan Ukur.

Tuan Pengerusi, jika late debt dalam pelaksanaan kerja-kerja berkenaan dibasmikan, saya yakin semua permohonan dapat diselesaikan dalam masa dua minggu. Kecekapan dalam hal ini memang dijadikan pertanyaan. Akta Hakmilik Berasingan 1985 yang berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1985 adalah untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli rumah pangsa dan apartment. Akta tersebut yang memerlukan seseorang pemilik memohon pembahagian bangunan yang boleh dibahagikan. Bangunan yang rakyat dibahagikan adalah dirujukkan seperti berikut—

- (i) Bangunan atau bangunan-bangunan yang bertingkat dua atau lebih di atas tanah pindah milik yang dipegang di bawah Surat Hakmilik Kekal.
- (ii) Memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki atau kegunaan.

Jika pemilik tidak memohon dalam masa yang tertentu di bawah seksyen-kecil (2) dari seksyen 8 Akta tersebut ia akan didenda sebagai keabaiannya undang-undang.

Saya ingin bertanya berapa bangunan-bangunan yang dapat dibahagikan telah menunaikan syarat Akta tersebut dan sama ada Pengarah Jabatan Tanah telah mengambil tindakan terhadap pemilik-pemilik yang tidak mematuhi Akta yang berkenaan. Oleh kerana tiada had masa yang disebutkan di dalam Kanun Tanah Negara untuk memohon surat hakmilik kekal dan juga kelambatan Jabatan Tanah dalam

pengeluaran hakmilik, pemilik bangunan telah dibenarkan dan dibiarkan untuk melewati lagi permohonan tersebut bagi pembeli-pembeli. Tetapi ramai pembeli-pembeli telah membayar perbelanjaan permohonan hakmilik berasingan sejak tahun 80an. Bayaran tersebut kini disimpan oleh peguam pemilik atau Jurukur Tanah. Malangnya beberapa penyimpan wang ini telah bankrap. Misalnya kes-kes di Taman Lee Yan Lian dan Taman Salak South, kedua-dua kes tersebut melibatkan Jurukur Tanah.

Seorang Timbalan Menteri iaitu Yang Berhormat dari kawasan Titiwangsa menyatakan bahawa jumlah permohonan bagi hakmilik berasingan di Wilayah Persekutuan hingga Julai 1987 adalah 311.

Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan memproses 121 permohonan dan 113 daripadanya diluluskan dan 9 lagi ditolak. Menurut bukti-bukti yang diberi, saya berpendapat beberapa banyak lagi permohonan-permohonan yang belum diproseskan. Ini bermakna hanya lebih kurang 40% daripada sejumlah permohonan dapat diproses sejak penguatkuasaan Akta hak milik berasingan tahun 1985. Kadar memproseskan.....

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila menggulung Gulungan.

Tuan Liew Ah Kim: Saya minta sedikit masa.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri satu minit.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, saya berharap pihak yang berkuasa ataupun Kementerian

membuat pindaan terhadap Seksyen-seksyen dari Kanun Tanah Negara iaitu adalah seperti berikut:

- (i) *Seksyen 124*—Pertukaran kegunaan tanah ini mesti menetapkan tempoh masa selama 3 bulan daripada tarikh penerimaan permohonan untuk pihak berkuasa negeri memproses, memberi kelulusan dan sebagainya.
- (ii) *Seksyen 124 (a)*—Memecah Sempadan Tanah di bawah Seksyen ini mesti menetapkan tempoh masa selama 3 bulan daripada tarikh penerimaan untuk memproses, memberi kelulusan dan sebagainya.
- (iii) *Seksyen 176*—Suratan Hakmilik Sementara. Permohonan untuk suratan hakmilik sementara akan diproses dan jika diluluskan akan disiapkan, didaftarkan dan dikeluarkan oleh Pendaftar dalam masa sebulan selepas penerimaan permohonan.
- (iv) *Seksyen 190 dan 191*—Penukaran hakmilik sementara kepada hakmilik kekal:
 - (a) Sebarang tanah yang di pegang di bawah hakmilik sementara mesti ditukar kepada hakmilik kekal.
 - (b) Suratan hakmilik sementara yang merupakan tanah dipegang dan diukur menurut peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 396 hendaklah ditukar kepada hakmilik strata. Dalam perkara ini Pendaftar Tanah mesti menyediakan keluaran dan pendaftarannya dalam tempoh satu bulan dari tarikh permohonan tersebut.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Liew Ah Kim: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Setengah minit.

Tuan Liew Ah Kim:

- (v) *Seksyen 386*—Pertukaran tanah di dalam masa 3 tahun dari tarikh kelulusan diberi untuk peminta milik tanah atau pemecahan sempadan tanah, sama ada suratan hakmilik sementara dikeluarkan atau tidak, jurukur tanah yang berlesen mesti menyediakan pelan pemecahan dan mendapatkan kelulusan daripada Pengarah Jabatan Ukur; dan
- (vi) Akta suratan hakmilik berasingan 1985, pembahagian bangunan, menetapkan tempoh masa satu bulan dari tarikh penerimaan permohonan untuk suratan hakmilik berasingan, pihak berkuasa negeri hendaklah memproses kelulusan, mendaftar dan mengeluarkan suratan hak-milik berasingan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan harus mencari langkah-langkah supaya mengawal kejadian tersebut seperti Laksamana Apartment yang akhirnya bangunan itu dilelong oleh sebuah bank. Maka saya harap Kerajaan akan dapat meminda Seksyen-seksyen Akta berkenaan dengan Kanun Tanah Negara supaya segala kejadian-kejadian tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Rajang.

6.25 ptg.

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang mukasurat 256—Maksud Pembangunan 55, Butiran 02000, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dan 02300, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SALCRA).

Tuan Pengerusi, pembangunan tanah adalah potensi pendapatan yang besar untuk negara kita, terutamanya kepada golongan petani-petani luar bandar. Ada atau tidak, rakyat akan mendapati keuntungan daripada pembangunan tanah bergantung kepada banyak faktor. Setakat ini saya merasa bimbang dengan apa yang telah terjadi.

Di negeri Sarawak, di dalam agensi-agensis yang menjalankan pembangunan tanah, hampir semua ladang atau skim yang dijalankan di kawasan saya, iaitu di Rajang dan di luar kawasan Parlimen saya, di mana skim pembangunan tanah yang dijalankan itu mengalami kegagalan dan mengalami kerugian dan masalah yang besar. Contoh yang saya ingin bincangkan di sini ialah satu rancangan pembangunan tanah di Balangian yang amat menyedihkan, iaitu ladang kelapa sawit di Balangian.

Di masa dahulu ladang kelapa sawit itu adalah kepunyaan SLDB, tetapi sekarang pengurusannya dan hak miliknya telah diambil oleh SIME DARBY. Sistem pentadbiran pengurusan yang dijalankan oleh SIME DARBY telah membawa kesusahan dan suasana yang amat menyedihkan sampai ke satu masa ketika dahulu, peristiwa yang telah berlaku di mana seorang Pengurus ditangkap oleh orang tempatan dan diikat. Apakah sebabnya? Sekiranya tidak ada sebab-sebab yang besar tidaklah orang tempatan—orang Iban—yang selalu bergaul baik dengan orang datang, tidaklah mereka mengikat seorang Pengurus, seorang orang putih. Sekiranya perkara seperti itu berlaku besarlah sebab-sebabnya. Di sini saya ingin menerangkan apakah sebabnya.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, besok boleh terangkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.